

Tataetika Perniagaan



Pesanan daripada Pengurus, Presiden dan CEO



Jeff Miller
Pengerusi dan CEO

Rakan-rakan Yang Dihormati,

Selama lebih satu abad, Halliburton telah bekerjasama dan mencipta penyelesaian untuk memaksimumkan nilai aset para pelanggan kita. Usaha gigih ini telah menghasilkan kejayaan yang konsisten secara jangka panjang. Kita terus mendapat pelanggan baharu dan meningkatkan hubungan dengan pelanggan sedia ada dan pada masa yang sama membangunkan penyelesaian teknologi dan digital yang termaju. Di seluruh pelosok dunia dan di seluruh perniagaan syarikat, kita telah berjaya mengatasi pesaing kita berulang-ulang kali – dan yang paling penting, kita mencapai kejayaan secara "REDWay" – secara bertanggungjawab, beretika dan tekun.

Tidak kira peranan apa yang anda mainkan dalam organisasi, ciri-ciri seperti integriti, kreativiti dan saling menghormati menjadikan Halliburton berjaya. Apabila kita perlu membuat keputusan yang sukar semasa dalam pekerjaan, kita menjadikan integriti sebagai keutamaan dan mahukan orang lain memiliki ciri yang sama. Kita tidak melupakan kejujuran, kesaksamaan dan sikap menghormati dalam mencari keuntungan.

Lembaga Pengarah Halliburton, pasukan pengurusan kanan dan saya komited terhadap nilai teras Syarikat. Kami mengharapkan komitmen yang sama daripada anda dan kami tidak akan berganjak daripada komitmen kami yang menentukan Halliburton sejak penubuhan Syarikat – integriti, keselamatan, kerjasama, persaingan, kreativiti, kebolehpercayaan dan penghormatan.

Para pelanggan kita sedar bahawa menjalankan perniagaan secara REDWAY bukan hanya konsep di Halliburton – ini adalah sesuatu yang kita lakukan setiap hari dan dinyatakan dalam Tataetika Perniagaan kita. Tataetika ini secara saksama meliputi semua pekerja, pengarah dan pegawai Syarikat dan semua pihak ketiga yang menjalankan urusan bagi pihak Halliburton. Anda adalah pertahanan barisan depan Halliburton bagi sebarang pelanggaran Tataetika Perniagaan. Jika anda melihat atau mengesyaki bahawa tingkah laku tidak beretika telah berlaku, anda bertanggungjawab untuk mengemukakan kebimbangan anda. Hubungi Jabatan Etika & Pematuhan Global. Hubungi Talian Bantuan Etika. Yang paling penting, jangan lepaskan tanggungjawab anda kerana takut. Kita tidak akan bertolak ansur tindakan balas dendam terhadap sesiapa yang mengemukakan isu secara ikhlas. Kita semua bertanggungjawab untuk mendukung dan mematuhi Tataetika Perniagaan.

Kita bangga menjadi syarikat pelaksana. Kita tidak berkompromi dan memberi apa-apa alasan apabila melibatkan etika dan pematuhan. Terima kasih atas sokongan anda dalam menyampaikan keputusan yang mengutamakan pelanggan mengikut cara REDWay

A handwritten signature in black ink that reads "Jeff A. Miller". The signature is fluid and cursive, with a distinct "J" at the beginning.

Di Halliburton, para pekerja merupakan barisan pertahanan yang pertama terhadap pelanggaran COBC. Apabila kita berdepan dengan keputusan yang sukar dalam melaksanakan tugas, kita menjadikan integriti sebagai keutamaan paling tinggi. Menjalankan perniagaan ala REDWay- secara bertanggungjawab, beretika, dan tekun - bukan sekadar konsep di Halliburton, malah merupakan komitmen kita setiap hari.

Chris Bellotti

Naib Presiden dan
Ketua Pegawai Etika & Pematuhan

Tujuan Tataetika Perniagaan

Kita di Halliburton komited untuk menjalankan perniagaan pada tahap integriti yang tertinggi, dengan mematuhi sepenuhnya undang-undang yang tersurat dan juga yang tersirat. Sebagai sebahagian daripada komitmen ini, kita perlu melakukan perkara yang betul dan membuat pilihan yang betul dalam menjalani aktiviti harian. Ini termasuklah membantu memupuk persekitaran di mana kita saling menghormati antara satu sama lain, menyediakan perkhidmatan bertaraf dunia kepada pelanggan kita, bersaing secara ikhlas dan berbangga dengan Syarikat kita. Bukannya mudah untuk memilih tindakan yang betul. Dalam situasi di mana arah tuju tambahan diperlukan, Tataetika Perniagaan (“Tataetika”) ini menjadi panduan amali untuk membantu anda membuat pilihan yang betul secara undang-undang dan etika. Bersama dengan dasar dan amalan

perniagaan yang dirujuk di sini, Tataetika ini merupakan asas kepada nilai teras Integriti Halliburton dan etika global serta amalan pematuhan kita.

Tataetika ini menggariskan keperluan undang-undang, etika dan kawal selia penting yang mentadbir operasi global Halliburton. Ia juga menyediakan sumber untuk maklumat tambahan dan garis panduan berkaitan cara membuat laporan tentang potensi pelanggaran Tataetika.

Anda perlu membaca, memahami dan mematuhi Tataetika ini. Kami mengharapkan sokongan padu anda kepada semua nilai dan prinsip yang terkandung.

Komitmen Kami kepada Urus Niaga yang Jujur, Saksama

Lembaga Pengarah Halliburton telah menerima Tataetika ini bagi memastikan peri laku yang jujur dan beretika; pematuhan kepada undang-undang dan peraturan yang terpakai; dan keadilan untuk pelanggan, pembekal, pesaing dan pekerja. Kita menghargai tatasusila yang baik dan tidak mempergunakan orang lain melalui manipulasi, penyembunyian, menyalahgunakan kelebihan maklumat, memberi gambaran yang salah tentang fakta penting, atau sebarang amalan tidak adil yang lain.

Tataetika ini digunakan di mana sahaja kita menjalankan urusan, oleh setiap pengarah dan pekerja Halliburton, termasuk pegawai serta pekerja subsidiari dan syarikat sekutu Halliburton. Kami juga menjangkakan semua pembekal, pekerja kontrak, agen, perunding dan individu lain yang bertindak bagi pihak kita untuk mematuhi prinsip yang terkandung di dalam Tataetika.

Pematuhan Undang-undang

Sudah menjadi dasar kita bahawa semua pengarah, pekerja dan sesiapa sahaja yang bertindak bagi pihak kita untuk mematuhi semua undang-undang yang terpakai di setiap tempat di mana kita menjalankan perniagaan.

Kita adalah sebuah syarikat A.S. dan dalam beberapa situasi, undang-undang A.S. yang terpakai mungkin bercanggah dengan undang-undang yang terpakai di negara lain. Dalam kes sedemikian kita akan mengikuti garis panduan Kumpulan Amalan Etika & Pematuhan di Jabatan Undang-undang untuk menyelesaikan konflik.

Sesiapa yang membala dendam terhadap pelapor yang ikhlas akan tertakluk kepada tindakan disiplin sehingga hal yang termasuk pemberhentian kerja.

Pengenalan

Menggunakan Tataetika

Tataetika menyediakan rangka kerja untuk membantu membimbing tingkah laku anda. Ia tidak menangani setiap situasi yang anda mungkin hadapi tetapi bertujuan untuk membantu pertimbangan, akal budi dan pengetahuan tentang apa yang wajar. Oleh yang demikian, sebarang kelakuan yang tidak beretika atau salah boleh menyebabkan anda dikenakan tindakan disiplin, walaupun perkara ini tidak disebut secara spesifik dalam Tataetika.

Anda perlu merujuk kepada Tataetika setiap kali anda ada soalan atau kebimbangan tentang isu berkaitan pematuhan atau peri laku manakah yang beretika dan sah di sisi undang-undang. Sila ambil perhatian bahawa setiap seksyen Tataetika turut mengandungi rujukan kepada dasar dan amalan perniagaan Halliburton yang memberikan butiran tambahan tentang topik tertentu.

Jika anda ada sebarang soalan tentang Tataetika atau tentang cara menangani situasi tertentu, sila bincang dengan penyelia anda, hubungi salah satu sumber Etika & Pematuhan yang ada, atau baca dasar atau amalan perniagaan Halliburton yang berkait dengan topik soalan anda.

Ketua Pegawai Etika & Pematuhan (CECO) dan keseluruhan Kumpulan Amalan Etika & Pematuhan di Jabatan Undang-undang sentiasa bersedia untuk menjawab soalan atau berbincang dengan anda tentang sebarang pelanggaran Tataetika yang anda bawa kepada perhatian mereka. Jangan malu untuk menghubungi mereka pada bila-bila masa dengan sendiri, melalui telefon atau melalui e-mel.

Tanggungjawab Kita

Tanggungjawab Anda sebagai Pekerja

- Memahami dan mematuhi Tataetika, dasar dan amalan perniagaan Halliburton.
- Mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai.
- Mendapatkan panduan sekiranya anda ada soalan.
- Segera laporkan sebarang pelanggaran yang disyaki oleh COBC kepada penyelia anda, LEO anda, Sumber Manusia, Etika Global & Pematuhan atau Talian Bantuan Etika. Bertanggungjawab terhadap peri laku anda sendiri dan berbangga dengan tindakan anda.





Ambil Perhatian!

Sebelum menentukan sesuatu tindakan di mana pilihan yang betul mungkin tidak begitu jelas, sila tanyakan diri anda:

- Adakah ia sah?
- Adakah ia dibenarkan oleh Tataetika, dasar dan amalan perniagaan Halliburton?
- Adakah ia perkara yang betul untuk dilakukan?
- Adakah saya bangga memberitahu kawan dan keluarga saya tentang pilihan yang dibuat?

Jika anda masih tidak pasti atau mempunyai masalah yang lain, anda harus menghubungi penyelia anda, LEO anda, Sumber Manusia, atau Etika & Pematuhan Global sebelum bertindak.

Tanggungjawab Anda sebagai Penyelia

- Jadilah contoh peranan yang positif.
- Pastikan para pekerja anda memahami dan mematuhi Tataetika, dasar dan amalan perniagaan Halliburton.
- Pastikan para pekerja anda mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang terpakai.
- Tekankan kepentingan Tataetika dan kukuhkan komitmen Halliburton untuk menjalankan urus niaga cara REDWay - secara bertanggungjawab, beretika dan tekun.
- Galakkan perhubungan yang terbuka dengan pekerja dan berikan panduan serta maklum balas terhadap soalan dan kebimbangan mereka.
- Tahu bila untuk mengutarakan isu, melaporkan pelanggaran dan mendapat bantuan daripada sumber yang ada.
- Pastikan pendirian toleransi sifar Halliburton berkaitan perbuatan balas dendam terhadap mereka yang membuat laporan secara jujur dikuatkuasakan dengan ketat.



Laporan dan Penyiasatan

Bertanya Soalan dan Melaporkan Pelanggaran

Kita semua bertanggungjawab membantu Syarikat mendedahkan dan menangani aktiviti yang salah dan mempromosikan tindakan yang wajar dalam isu etika. Jika anda menyedari tingkah laku yang melanggar, atau kelihatan melanggar Tataetika ini, dasar atau amalan perniagaan Halliburton, atau undang-undang dan peraturan yang terpakai, anda bertanggungjawab mengikut Tataetika ini membuat laporan tentang perilaku ini dengan segera.

Terdapat beberapa cara untuk melaporkan isu atau bertanyakan soalan. Tidak kira cara mana yang anda pilih, isu anda akan dilayani dengan tahap keseriusan dan kepentingan yang sama. Maklumat hubungan untuk pelaporan Etika & Pematuhan Global, termasuk nombor bebas tol untuk Talian Bantuan Etika kami, terletak pada halaman terakhir buku kecil ini.

Sekiranya dibenarkan oleh undang-undang, anda boleh melaporkan pelanggaran secara rahsia melalui Talian Bantuan Etika atau e-mel kami. Namun begitu sila faham bahawa mungkin sukar atau mustahil bagi Halliburton untuk menyiasat dengan terperinci laporan yang dibuat secara rahsia. Oleh itu, kami menggalakkan anda untuk memperkenalkan diri bagi membolehkan tindakan susulan dan meningkatkan lagi keupayaan mencari fakta. Jika anda pilih untuk kekal rahsia, sila berikan seberapa banyak maklumat yang boleh dalam laporan anda.

Rujukan

Dasar Korporat 3-02120, "Pentadbiran Tataetika Perniagaan"



Ambil Perhatian!

Walaupun selepas membaca Tataetika dan dasar yang berkaitan, anda mungkin masih ada soalan tentang cara untuk meneruskan, atau sama ada anda perlu melaporkan tingkah laku tertentu. Jangan teragak-agak untuk meminta nasihat daripada pelbagai sumber Etika & Pematuhan yang terdapat di Halliburton untuk membantu anda.

Ini termasuklah:

- Etika & Pematuhan
- Pegawai Etika setempat anda (LEO)
- Sumber Manusia
- Talian Bantuan Etika

Komitmen Kita Kepada Tidak Membalas Dendam

Kita tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang bentuk balas dendam terhadap pekerja kerana membuat laporan atau menyertai penyiasatan secara ikhlas. Tindakan tersebut mungkin dilindungi menurut Akta Sarbanes-Oxley 2002 dan Akta Reformasi Wall Street Dodd-Frank dan Akta Perlindungan Pengguna. Bertindak dengan "niat baik" bermaksud melaporkan

pelakuan yang anda mengesyaki mungkin melanggar COBC. Kami menggalakkan anda untuk mendedahkan semua maklumat yang anda ada, supaya laporan tersebut lengkap dan tepat. Sesiapa yang membalas dendam terhadap pelapor yang ikhlas akan tertakluk kepada tindakan disiplin sehingga dan termasuk pemberhentian kerja.

Penyiasatan dan Kerahsiaan

Kita akan memberi respons kepada semua laporan seberapa segera yang boleh. Kita akan menangani maklumat yang diterima dengan seberapa rahsia yang boleh dan pada masa yang sama menjalankan siasatan yang terperinci.

Individu yang wajar di dalam Syarikat akan ditugaskan untuk menyiasat semua laporan dengan segera.

Dalam sesetengah keadaan, penyiasat luar dan penasihat undang-undang mungkin turut terlibat. Sebagai pekerja anda diharap untuk memberi kerjasama sepenuhnya dengan semua siasatan atau audit dalaman dan luaran. Ini termasuklah memberi maklum balas kepada siasatan secara jujur dan mendedahkan semua maklumat berkaitan yang anda ada.

Akibat daripada Pelanggaran Tataetika

Di Halliburton, Tingkah Laku Beretika merupakan nilai teras dan kita memandang pelanggaran Tataetika sebagai sangat serius. Kegagalan untuk mematuhi Tataetika boleh menyebabkan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk pemberhentian kerja dan tindakan undang-undang dalam sesetengah kes.



Ambil Perhatian!

Tindakan balas didefinisikan sebagai tindakan buruk yang diambil terhadap pekerja kerana mereka melaksanakan hak yang dilindungi mereka. Antara contoh termasuklah:

- Mewujudkan persekitaran kerja yang tidak selesa atau bermusuhan
- Mengurangkan atau mengabaikan tanggungjawab atau perhubungan pelaporan
- Menukar pekerja
- Menafikan atau mengecualikan pekerja daripada peluang latihan atau pembangunan

Apakah yang saya boleh jangka selepas saya membuat laporan secara ikhlas?

Selepas membuat laporan kepada mana-mana sumber Etika & Pematuhan Halliburton, perkara berikut boleh dijangka:

- Laporan anda akan dilayan dengan serius.
- Laporan anda akan disiasat dengan segera dan terperinci.
- Laporan dan identiti anda akan dirahsiakan selagi boleh atau setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.
- Laporan anda akan dilayan dengan serius.
- Jika anda telah mendedahkan identiti, anda akan menerima perhubungan susulan tentang penerimaan dan penutupan muktamad laporan anda.
- Anda tidak akan dikenakan sebarang balas dendam akibat daripada laporan ikhlas anda.

Saya percaya bahawa saya mungkin menyaksikan pelanggaran Tataetika, tetapi saya tidak pasti. Apakah yang patut saya lakukan?

Jika anda secara munasabah mengesyaki pelanggaran Tataetika, anda perlu melaporkannya. Lebih awal isu dilaporkan lebih cepat ia dapat diselesaikan. Walaupun anda mungkin tidak memiliki semua fakta, anda perlu berbincang tentang apa yang anda tahu tentang pelanggaran yang disyaki dengan penyelia anda, melaporkan isu kepada Kumpulan Amalan Etika & Pematuhan di Jabatan Undang-undang, atau menghubungi Talian Bantuan Etika. Dengan melakukan demikian, anda akan memenuhi tanggungjawab di bawah Tataetika dan membantu memastikan bahawa kita menyemak dengan teliti isu untuk menentukan sama ada pelanggaran telah berlaku.

Dasar syarikat melarang balas dendam terhadap sesiapa yang melaporkan kebimbangan secara ikhlas. Bertindak dengan "niat baik" bermaksud anda melaporkan pelakuan yang anda mengesyaki mungkin melanggar COBC. Kami menggalakkan anda mendedahkan semua maklumat yang anda ada, supaya laporan tersebut lengkap dan tepat.



Perhubungan dengan Syarikat

Komuniti Halliburton terdiri daripada anggaran 72,000 pekerja, mewakili 140 kerakyatan dari anggaran 80 buah negara. Memastikan pekerja bekerja dalam keadaan selamat, dilayan secara adil dan bermaruah dan beroperasi dalam persekitaran integriti menjadi keutamaan. Ini adalah perlu untuk kesejahteraan Syarikat, dan yang lebih penting lagi ia perlu untuk kesejahteraan setiap warga kerja.

Komitmen ini digariskan di bahagian “Perhubungan dengan Syarikat” Tataetika Perniagaan Halliburton, yang membincangkan dasar dan garis panduan Syarikat berkaitan:

- Pekerjaan dan Tempat Kerja
- Kesihatan, Keselamatan dan Persekutaran (HSE)
- Konflik Kepentingan
- Penggunaan dan Pendedahan Awam Maklumat Bukan Awam Penting
- Integriti Kewangan, Laporan dan Pendedahan
- Perlindungan Aset Syarikat
- Privasi dan Keselamatan Data

Dasar ini bertindak sebagai panduan. Setiap pekerja bertanggungjawab memberi komitmen kepada Halliburton, dan kepada satu sama lain, untuk bekerja secara jujur, berintegriti, saksama dan selamat.

Mewujudkan dan mengekalkan persekitaran ini bukan sahaja bergantung kepada setia individu atau kumpulan di dalam Syarikat. Ia memerlukan sokongan dan komitmen daripada setiap ahli pasukan kita. Daripada ahli kimia di India, kepada jurutera di Angola, setiausaha di Kanada dan pengurus Pembangunan Perniagaan di Brazil - kita semua berperanan mewujudkan persekitaran ini.

Pekerjaan dan Tempat Kerja

Kami Melarang Gangguan

Setiap orang berhak untuk bekerja dalam persekitaran yang mesra dan selamat. Itulah sebabnya mengapa kita berusaha untuk mewujudkan sebuah persekitaran yang bebas daripada gangguan dan tingkah laku yang tidak hormat.

Syarikat tidak bertolak ansur terhadap sebarang bentuk gangguan atau tingkah laku yang mewujudkan persekitaran kerja yang menakutkan, bermusuhan atau menyakitkan hati daripada seorang individu. Antara contoh gangguan termasuklah:

- Seksual, dalam bentuk sentuhan fizikal atau gerak isyarat yang tidak disenangi
- Komen atau jenaka yang tidak wajar
- Imej yang menyakitkan hati atau eksplisit
- Penghinaan perkauman atau etnik
- Membuli atau menakut-nakutkan

Jika anda rasa anda telah diganggu, atau menyaksikan peri laku gangguan, pertama sekali anda perlu bercakap dengan pihak yang menyakitkan hati. Perlu diingatkan bahawa pengurus atau penyelia yang menguatkuasakan prestasi kerja bukanlah satu gangguan atau balas dendam.

Kita tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang bentuk balas dendam terhadap pekerja kerana membuat laporan atau menyertai penyiasatan secara ikhlas.

Kami Menggalakkan Tempat Kerja yang Merangkumi Semua

Kita menghargai tenaga kerja yang terdiri daripada individu dengan kemahiran, perspektif dan latar belakang yang berbeza. Kita membuat semua keputusan tentang pekerjaan dan kenaikan pangkat berdasarkan merit, kelulusan dan prestasi individu. Tiada keputusan dibuat berdasarkan faktor diskriminasi seperti bangsa, warna, agama, jantina, pilihan/orientasi seksual, kerakyatan, status perkahwinan, status veteran, maklumat genetik, negara asal, umur atau kecacatan, atau sebarang status lain yang dilindungi oleh undang-undang atau peraturan.

Halliburton mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang mentadbir amalan pekerjaan di mana sahaja kita menjalankan perniagaan. Kita komited untuk menguatkuasakan dasar, amalan perniagaan dan prosedur kita yang memastikan penggajian yang saksama, termasuk layanan yang sama rata dalam pengambilan kerja, kenaikan pangkat, pembayaran, latihan, tindakan disiplin dan pemberhentian kerja.

Sekiranya anda mengesyaki, secara munasabah, sebarang bentuk kelakuan diskriminasi yang tidak wajar di tempat kerja, anda harus melaporkannya dengan serta-merta.

Salah seorang penyelia saya telah beberapa kali mempelawa saya untuk minum selepas kerja. Saya berulang kali memberitahu beliau bahawa saya sibuk selepas kerja tetapi dia tetap mengajak saya. Minggu lepas dia memberitahu bahawa jika saya minum bersamanya, saya mungkin berpeluang untuk naik gaji seperti yang dijanjikan. Agak ganjal bahawa saya perlu keluar minum dengannya untuk mendapat kenaikan gaji yang saya layak. Adakah saya keterlaluan?

Tidak, anda tidak keterlaluan. Jika penyelia anda membuatkan anda rasa tidak selesa dan membayangkan bahawa penolakan pelawaan boleh memberi kesan kepada kenaikan gaji anda, ini tidak wajar. Anda perlu melaporkan tingkah laku ini kepada salah satu sumber pematuhan anda dengan segera.

Inginlah bahawa Syarikat melarang sama sekali balas dendam terhadap tuntutan yang dibuat secara jujur.

Salah Laku di Tempat Kerja

Kita menyokong persekitaran yang menggalakkan kesihatan dan kesejahteraan warga kerja.

Kita tidak bertolak ansur terhadap jualan atau penggunaan najis dadah atau penyalahgunaan alkohol di tempat kerja. Kami menjangka bahawa ubat yang perlu diambil tidak memberi kesan buruk kepada prestasi kerja atau kesihatan dan keselamatan rakan sekerja.

Halliburton milarang sama sekali semua tindakan ganas dan tingkah laku yang mengancam di tempat kerja. Kami milarang pemilikan senjata api; sebarang jenis bahan letupan yang tidak direka, digunakan dan dikawal dengan sewajarnya oleh kakitangan Syarikat yang dibenarkan; dan senjata lain di kawasan Syarikat atau semasa menjalan urusan Halliburton, melainkan larangan ini melanggar undang-undang tempatan.

Jika anda menghadapi situasi melibatkan salah laku di tempat kerja, termasuk keganasan atau ancaman, anda perlu segera menghubungi penyelia anda, Sumber Manusia atau Keselamatan Korporat.

Rakan sekerja yang saya kenal sejak beberapa tahun baru-baru ini telah terlepas peluang kenaikan pangkat. Walaupun beliau diketahui sebagai panas baran, namun dia tidak pernah ganas atau mengancam. Namun akhir-akhir ini percakapan beliau untuk "membalas" penyelia kami membimbangkan saya. Apakah yang patut saya lakukan?

Sebarang tingkah laku atau bahasa yang mengancam di tempat kerja adalah dilarang. Anda perlu melaporkan insiden ini serta merta, walaupun anda tidak pasti tujuan sebenar individu yang terlibat. Keselamatan fizikal pekerja kami adalah keutamaan, dan Halliburton akan mengambil setiap langkah yang mungkin untuk melindungi keselamatan pekerja.

Rujukan

Dasar Korporat 3-10040, "Pencegahan Penyalahgunaan Dadah, Alkohol dan Bahan Global Halliburton"

Dasar Korporat 3-10041, "Pencegahan Penyalahgunaan Bahan A.S."

Dasar Korporat 3-10200, "Senjata"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-11239, "Garis Panduan Langkah-langkah Disiplin"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-11310, "Cuti Sakit"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-11313, "Pemeriksaan Perubatan – A.S."

Dasar Korporat 3-13050, "Peluang Pekerjaan Saksama"

Dasar Korporat 3-13060, "Pembayaran Pemudahan"

Dasar Korporat 3-15470, "Perhubungan Pekerjaan yang Dilarang"

Dasar Korporat 3-15550, "Mencegah Keganasan di Tempat Kerja"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-17031, "Insiden Keselamatan yang boleh Dilaporkan"

Dasar Korporat 3-90113, "Hak Asasi Manusia"

Kesihatan, Keselamatan dan Persekutaran (HSE)

Komitmen kepada Tempat Kerja yang Sihat, Selamat dan Baik Persekutarnya

Halliburton mempunyai komitmen yang tidak berbelah bahagi terhadap HSE. Ini bermakna HSE adalah tanggungjawab semua orang dan setiap daripada kita perlu mematuhi sepenuhnya undang-undang yang terpakai serta memahami dan mengikuti dasar HSE, amalan perniagaan dan standard Syarikat. Anda perlu menyedari dan memenuhi sebarang keperluan laporan HSE berkait dengan peranan anda dalam Syarikat.

Program Kuasa Menghentikan Kerja (Stop Work Authority, SWA) memberi kuasa dan tanggungjawab kepada semua pekerja untuk campur tangan atau menghentikan tugas tanpa takut tindakan balas, jika mereka melihat tindakan atau keadaan tidak selamat atau bahaya di tempat kerja atau mempunyai kebimbangan tentang kawalan risiko HSE.

Jika anda tidak pasti dengan peraturan atau prosedur HSE yang berkait dengan kedudukan anda, semak dasar dan standard

HSE yang berkaitan dan bercakaplah dengan penyelia anda dengan segera.

Jika anda menyedari keadaan atau amalan di tempat kerja yang boleh menjaskan kesihatan dan keselamatan orang atau membahayakan alam sekitar, atau jika anda mempunyai sebarang soalan atau kebimbangan tentang bagaimana operasi kami memberi kesan kepada kesihatan manusia atau alam sekitar, hubungi penyelia anda, LEO anda, Sumber Manusia, sumber HSE tempatan anda, Etika Global & Pematuhan atau Talian Bantuan Etika dengan segera.

Setiap pekerja perlu mengukuhkan budaya HSE kita dengan memasukkan keselamatan, peringatan dan tanggungjawab dalam setiap perkara yang kita lakukan.

Kemapanan

Selain mematuhi semua undang-undang dan peraturan HSE yang terpakai, Halliburton berkomited terhadap kemapanan operasi kita. Ini termasuklah mengambil langkah proaktif untuk membantu melindungi kesihatan manusia dan persekitaran, serta mematuhi Prinsip Panduan Kemapanan tersenarai kita yang lain.

Kita berusaha untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang memberi kesan persekitaran yang minimum. Kita juga cuba menjadi lebih cekap dalam penggunaan tenaga dan sumber semula jadi dengan menumpukan kepada kitar semula dan pelupusan secara bertanggungjawab.

Rujukan

Dasar Korporat 3-10042, "Standard dan Garis Panduan Kesihatan, Keselamatan dan Persekutaran Global"

Standard HSE Global


*Kuasa Menghentikan Kerja
Prinsip Panduan Kemapanan*

Saya tercedera ketika bekerja di kawasan kerja, tetapi penyelia saya memberi tekanan supaya saya tidak melaporkannya dan sebaliknya mahu saya menjalankan kerja-kerja ringan. Apakah yang patut saya lakukan?

Anda perlu melaporkan kecederaaan anda menurut Standard HSE Global. Halliburton mahu mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerja dan berusaha untuk memenuhi keperluan keselamatan yang ketat. Walau bagaimanapun, penyelia tidak boleh memaksa pekerja untuk merahsiakan kecederaaan di tempat kerja sebagai cara untuk mencapai sasaran keselamatan. Begitu juga, kerja-kerja ringan hanya boleh disyorkan oleh doktor yang merawat dan bukannya alternatif kepada laporan kecederaan yang difailkan dengan betul. Jangan lupa bahawa anda tidak perlu berjumpa dengan doktor peribadi anda dan membayar potongan jika kecederaan anda adalah berkaitan kerja.

Jika anda mendapat tekanan supaya tidak melaporkan sesuatu kecederaan, hubungi:

- Etika & Pematuhan
- LEO anda
- Sumber Manusia
- Talian Bantuan Etika



Konflik Kepentingan

Kita bertanggungjawab bertindak untuk kepentingan terbaik Syarikat pada sepanjang masa. Sebagai pekerja Halliburton, kita tidak boleh menyertai aktiviti yang mewujudkan, atau nampak seperti mewujudkan, konflik antara kepentingan kita sendiri dengan kepentingan Syarikat, atau yang kompromi objektif kita.

Penting bagi anda mendedahkan konflik kepentingan sebenar dan yang berpotensi kepada penyelia dan kepada Kumpulan Amalan Etika & Pematuhan di Jabatan Undang-undang secara bertulis supaya konflik ini boleh diselesaikan atau dielakkan. Penyelia dan Sumber Manusia bertanggungjawab untuk menghubungi Etika & Pematuhan Global untuk mendapatkan penilaian konflik kepentingan jika pekerja mendedahkan sesuatu kemungkinan konflik. Sesetengah pekerja utama mungkin perlu melengkapkan Penyata Pendedahan Pematuhan & Konflik Kepentingan.

Konflik kepentingan termasuk yang berpunca daripada kepentingan kewangan, peluang korporat, hubungan keluarga dan peribadi, dan pekerjaan dan keahlian lembaga luar.

Kepentingan Kewangan

Konflik kepentingan boleh berlaku apabila anda, keluarga anda, atau seseorang yang anda rapat mempunyai kepentingan kewangan dalam organisasi yang mempunyai urusan perniagaan dengan, atau menjadi pesaing kepada Halliburton.

Sekiranya anda mempunyai soalan sama ada kepentingan kewangan dalam organisasi yang menjalankan perniagaan, atau bersaing dengan Halliburton menyebabkan konflik kepentingan, anda harus menghubungi penyelia anda, Sumber Manusia atau Etika & Pematuhan Global untuk panduan. Penyelia dan Sumber Manusia bertanggungjawab untuk menghubungi Etika & Pematuhan Global untuk mendapatkan penilaian konflik kepentingan jika pekerja mendedahkan sesuatu kemungkinan konflik.

Peluang Korporat

Kita semua mempunyai peranan untuk melindungi kepentingan Kerajaan dan memajukannya pada setiap masa. Sentiasa elak daripada menggunakan harta, maklumat atau kedudukan anda di dalam Syarikat untuk keuntungan peribadi.

- Anda tidak boleh mengambil kelebihan peribadi daripada peluang perniagaan sekiranya Halliburton berkemungkinan mempunyai kepentingan dalam peluang tersebut, melainkan Syarikat telah dimaklumkan dan menolak peluang tersebut.
- Anda tidak boleh mengambil kelebihan peribadi daripada peluang perniagaan yang ditemui menggunakan harta atau maklumat Halliburton, atau melalui kedudukan anda di dalam Syarikat.
- Harta intelek yang dibangunkan oleh pekerja semasa waktu kerja adalah dimiliki dan menjadi harta Syarikat, bukannya pekerja.

Perhubungan Keluarga dan Peribadi

Halliburton memilih semua pekerja, vendor, pembekal dan rakan niaga berdasarkan kelulusan mereka dan bukannya berdasarkan sebarang perhubungan keluarga atau rakan peribadi. Anda perlu mengelak daripada menyertai, atau cuba untuk mempengaruhi, sebarang keputusan berkait dengan urusan perniagaan Syarikat dengan saudara mara atau rakan rapat.

Anda tidak boleh mengambil, menyelia, melaporkan kepada, atau mempunyai pengaruh terhadap ahli keluarga atau individu yang anda mempunyai hubungan peribadi yang rapat.

Jika seseorang yang mempunyai hubungan peribadi yang rapat dengan anda bekerja untuk salah satu pesaing Halliburton atau organisasi yang mana Halliburton sedang mempertimbangkan untuk menjalankan perniagaan, anda mestilah mendedahkan maklumat ini kepada penyelia anda, Sumber Manusia, atau Etika & Pematuhan Global. Penyelia dan Sumber Manusia bertanggungjawab untuk menghubungi Etika & Pematuhan Global untuk mendapatkan penilaian konflik kepentingan jika mereka menyedari kemungkinan konflik.

Pekerjaan Luar dan Keahlian Lembaga

Pekerjaan luar dengan pesaing, pembekal atau pelanggan Halliburton selalunya mewujudkan konflik kepentingan yang tidak dibenarkan. Pekerja tidak boleh bersaing dengan Halliburton dan tidak boleh bertindak sebagai perunding, pekerja atau ahli lembaga untuk mana-mana pesaing atau rakan niaga Halliburton tanpa kebenaran bertulis daripada Halliburton.

Kerja luar juga boleh mewujudkan konflik kepentingan apabila ia mengganggu tanggungjawab tugas anda atau memberi kesan kepada prestasi kerja anda di Halliburton. Apabila menimbang untuk bekerja di luar Halliburton, sila bincang terlebih dahulu dengan penyelia anda untuk memastikan ia tidak mewujudkan konflik kepentingan yang sebenar atau tanggapan. Penyelia dan Sumber Manusia bertanggungjawab untuk menghubungi Etika & Pematuhan Global untuk mendapatkan penilaian konflik kepentingan jika pekerja mendedahkan sesuatu kemungkinan konflik.

Rujukan

Dasar Korporat 3-02560, "Konflik Kepentingan"

Dasar Korporat 3-05000, "Pengarah Perniagaan Luar"

Dasar Korporat 3-15470, "Perhubungan Pekerjaan yang Dilarang"

Dasar Korporat 3-15760, "Urus Niaga Individu yang Berkaitan"

Penyata Pematuhan dan Pendedahan Konflik Kepentingan



Ambil Perhatian!

Individu yang anda ada “perhubungan peribadi yang rapat” termasuklah:

- Teman hidup, pasangan atau individu yang anda keluar bersama
- Ahli keluarga terdekat (ibu-bapa, anak, adik-beradik, datuk-nenek/cucu)
- Ibu dan bapa mertua, anak menantu, ipar
- Sepupu, bapa saudara, ibu saudara, anak saudara
- Mana-mana individu yang tinggal serumah dengan anda

Bolehkah saya bekerja separuh masa dengan perniagaan pembinaan abang ipar saya selepas waktu kerja atau semasa hari cuti saya?

Berkemungkinan besar boleh. Walau bagaimanapun, kerja luar boleh mendatangkan konflik kepentingan jika ia melibatkan persaingan dengan mana-mana produk atau perkhidmatan Halliburton atau jika ia mendatangkan kesan buruk terhadap keupayaan anda untuk melaksanakan tugas Halliburton anda dalam apa jua cara. Sebelum terlibat dengan mana-mana kerja luar, anda perlu berbincang jenis kerja dengan penyelia anda untuk menentukan sama ada ia mewujudkan konflik kepentingan.

Penggunaan dan Pendedahan Awam Maklumat Bukan Awam Penting

Adalah menjadi kesalahan dan melanggar Tataetika jika pekerja Syarikat berdagang saham mana-mana syarikat (termasuk Halliburton) berdasarkan, atau mengambil peluang daripada, pengetahuan mereka tentang maklumat bukan awam yang penting ("maklumat dalaman") tentang syarikat tersebut. Jika anda menyedari maklumat dalaman berkaitan Halliburton, anda secara amnya perlu menunggu sehingga tamat perniagaan pada hari kedua perniagaan selepas maklumat tersebut didedahkan kepada umum sebelum membeli atau menjual saham Halliburton. Peraturan perdagangan yang lebih ketat untuk saham Halliburton dikenakan kepada sesetengah pekerja, pegawai dan pengarah yang penting.

Maklumat dalaman termasuk apa-apa maklumat yang boleh mempengaruhi seseorang untuk berdagang saham yang masih belum diketahui oleh orang awam yang melabur. Contohnya termasuklah:

- Produk dan tawaran baharu yang penting
- Potensi penyatuan, perolehan, penjualan dan usaha sama
- Status kontrak penting, termasuk pembatalan, pembaharuan dan penyertaan ke dalam kontrak.
- Perubahan besar dalam pengurusan
- Siasatan oleh Kerajaan
- Perhubungan dengan pengawal selia
- Keputusan kewangan yang tidak diumumkan
- Tuntutan mahkamah dan penyelesaian undang-undang yang belum diselesaikan

Jika anda menyedari tentang maklumat dalaman berkaitan Halliburton atau syarikat lain, anda tidak boleh mendedahkannya kepada sesiapa kecuali para pengarah, pekerja atau agen yang mana jawatan memerlukan mereka untuk mengetahui tentang maklumat, sehinggalah maklumat ini disiarkan secara terbuka oleh Syarikat.

Anda juga perlu mengelak daripada mendedahkan maklumat dalaman tentang Syarikat kepada orang lain, termasuk ahli keluarga ("memberi tip"), kerana mereka mungkin berdagang berdasarkan maklumat ini, atau mendapat keuntungan daripada maklumat ini. Jika anda mengetahui tentang maklumat dalaman sesebuah syarikat, anda juga perlu mengelak daripada mencadangkan orang lain untuk berdagang saham syarikat tersebut.

Jika anda ada sebarang soalan tentang undang-undang perdagangan dalaman atau tanggungjawab anda bawah Tataetika ini, tanyalah penyelia anda atau Kumpulan Amalan Etika & Pematuhan di Jabatan Undang-undang sebelum berdagang saham.

Rujukan

Dasar Korporat 3-02550, "Penggunaan Maklumat Bukan Awam Penting dan Peluang Perdagangan Saham"

Integriti Kewangan, Laporan dan Pendedahan

Kawalan Kewangan Dalam

Sebagai sebuah syarikat tersenarai awam, mengikut undang-undang Halliburton perlu memastikan bahawa:

- Semua urus niaga, aset dan liabiliti telah direkodkan mengikut jadual;
- Semua urus niaga telah dibenarkan oleh pengurusan dan dilaksanakan menurut undang-undang dan peraturan yang terpakai; dan
- Aset Syarikat dijaga dengan sewajarnya.

Kita juga perlu memastikan bahawa semua urus niaga, aset dan liabiliti dicatatkan menurut Prinsip Perakaunan Secara Amnya Diterima A.S. (U.S. Generally Accepted Accounting Principles, GAAP) dan jika terpakai, prinsip tempatan atau berkanun yang lain.

Berhubung dengan keperluan ini, anda sentiasa perlu mendapatkan dokumentasi yang cukup untuk menyokong semua maklumat yang dimasukkan ke dalam buku, rekod dan akaun Syarikat. Anda tidak boleh menstrukturkan atau merekodkan sebarang urus niaga aset, liabiliti atau permintaan pembayaran balik, atau terlibat dalam peri laku lain dalam percubaan untuk memintasi sistem kawalan dalaman dan proses Halliburton yang berkaitan.

Peter membuat banyak perjalanan urusan perniagaan untuk Syarikat sepanjang tahun dan menghadapi masalah menyusun resit-resitnya. Beliau selalunya gagal mendapat resit untuk sesetengah bayaran makanan semasa urusan atau resit tersebut hilang. Peter yakin bahawa Syarikat berhutang pembayaran balik untuk sesetengah perbelanjaan perniagaan ini, jadi beliau membuat resit untuk mendokumenkan laporan perbelanjaan.

Memalsukan rekod, termasuk laporan perbelanjaan, adalah pelanggaran Tataetika yang serius. Syarikat faham bahawa sesiapa boleh kehilangan resit dari masa ke semasa dan terdapat proses untuk menangani situasi ini. Peter perlu menulis memo kepada penyelianya, dan memberikan butiran perbelanjaan yang berkaitan, seperti jumlah, lokasi, tarikh dan nama dan syarikat orang lain yang berkait dengan perbelanjaan ini. Penyelia beliau akan menyemak maklumat dan jika situasi munasabah, meluluskan perbelanjaan dengan menandatangani memo yang perlu dihantar bersama-sama laporan perbelanjaan.

Peter juga perlu memahami bahawa menjadi tanggungjawab beliau untuk menguruskan rekod perbelanjaan dan penyelianya tidak akan meluluskan perbelanjaan tanpa dokumen berulang-ulang.

Pendedahan dan Laporan Kewangan

Sebagai sebuah syarikat tersenarai awam, Halliburton perlu mematuhi pelbagai undang-undang dan peraturan saham. Semua kenyataan umum kita, termasuk siaran akhbar, laporan, komunikasi kewangan dan pemfailan awam, perlu bebas daripada maklumat yang tidak tepat dan mengelirukan. Sebarang kegagalan untuk memberikan penyata kewangan yang tepat dan mengikut jadual kepada New York Stock Exchange (NYSE), Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa A.S. (SEC) atau mana-mana badan kerajaan lain boleh menyebabkan hukuman awam dan jenayah bagi kedua-dua Syarikat dan juga pekerja yang terlibat.

Kita semua berkongsi tanggungjawab memastikan komunikasi dan pendedahan awam kita adalah adil, tepat, lengkap dan tepat pada masanya. Walau bagaimanapun, pegawai kanan, kakitangan kewangan dan profesional perakaunan memainkan peranan penting dalam usaha ini; mereka perlu sentiasa bertindak secara jujur dan dengan berhati-hati, dan mematuhi keperluan Tataetika ini dan undang-undang dan peraturan sekuriti yang terpakai.

Setiap pengarah, pegawai dan pekerja yang terlibat dalam proses pendedahan Syarikat perlu:

- Memastikan draf, semakan dan analisis yang berhati-hati bagi semua bakal pendedahan untuk ketepatan dan kesempurnaan;
- Tidak secara sengaja memberi gambaran yang salah, atau menyebabkan orang lain memberi gambaran yang salah tentang butiran Syarikat, termasuk rekod kewangan, kepada pengawal selia kerajaan, juruaudit, pemegang saham dan sesiapa sahaja;
- Memahami dan mematuhi keperluan pendedahan yang terpakai untuk Syarikat; dan
- Memahami dan mematuhi kawalan dalaman Syarikat terhadap laporan kewangan dan kawalan dan prosedur pendedahan.

Saya agak berjaya untuk tahun ini dan mencapai sasaran jualan. Salah seorang klien menghubungi saya dan mahu menambah jumlah yang besar kepada pesanan perkhidmatan yang sedia ada. Tahun fiskal kita bermula dua minggu lagi. Bolehkah saya memulakan kertas kerja tetapi meminta klien mengosongkan ruangan tarikh supaya saya boleh mencatatkan tarikh bulan hadapan?

Memasukkan tarikh pada pesanan perkhidmatan yang tidak memberikan masa sebenar urus niaga melanggar tanggungjawab kita untuk mewujudkan dan mengekalkan buku dan rekod yang tepat. Pesanan perkhidmatan adalah dokumen kewangan Syarikat yang penting. Membuat dokumen kewangan palsu atau tidak tepat dengan sengaja akan mengakibatkan tindakan disiplin, sehingga dan termasuk penamatian.

Pengurusan Rekod

Dalam operasi harian, kami menghasilkan sejumlah besar Rekod Perniagaan yang penting (termasuk e-mel, cadangan, invois, laporan perbelanjaan dan kontrak) yang mungkin dalam format elektronik atau cetak dan boleh disimpan di premis atau luar tapak kami.

Kita membuat banyak keputusan perniagaan yang kritikal berdasarkan maklumat yang diberikan oleh para pekerja dari seluruh organisasi, jadi Maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap boleh mendatangkan akibat negatif yang jauh capaiannya. Setiap kali menghasilkan, mengekalkan, meluluskan atau menganalisis Rekod Perniagaan, kita semua bertanggungjawab memastikan ketepatan dan kesempurnaannya.

Kita perlu menjaga Rekod Perniagaan kita dengan teliti dan hanya memusnahkannya menurut dasar pengurusan rekod kita. Jangan mengubah rekod, memusnahkannya tanpa kebenaran, atau membuat sebarang pertukaran dalam cubaan untuk menyembunyikan sebarang kesalahan.

Semasa litigasi, ancaman tindakan undang-undang dan penyiasatan kerajaan, kita mungkin perlu menghalang pemusnahan atau pindaan Maklumat supaya ia boleh ditunjukkan untuk semakan. Jika “pegangan undang-undang” sedemikian dilaksanakan, anda akan dimaklumkan oleh Jabatan Undang-undang. Pada masa itu, anda akan menerima arahan khusus untuk menyimpan dan bukannya menghapuskan atau mengubah Maklumat.



Ambil Perhatian!

Rekod Perniagaan bermaksud Maklumat yang dihasilkan, diterima dan/atau disimpan oleh Syarikat sebagai bukti obligasi undang-undang atau urus niaga perniagaan yang mempunyai nilai operasi, perundangan atau kawal selia.

Maklumat termasuk mana-mana dan semua rekod atau data dalam sebarang format dan/atau media yang dihasilkan atau diterima oleh Syarikat.

Rujukan

Dasar Korporat 3-02240, "Laporan Kewangan"

Dasar Korporat 3-02290, "Perkhidmatan Jaminan Dalaman"

Dasar Korporat 3-10130, "Pengurusan Rekod"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-11014, "Jawatankuasa Kawalan Dalaman Halliburton"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-11059, "Laporan Perbelanjaan Perjalanan dan Hiburan"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-17013, "Laporan Kewangan Luaran"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-17015, "Laporan Kewangan dan Penyediaan Penyata Kewangan Disatukan"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-17044, "Pengurusan Rekod dan Maklumat (RIM) – Pengurusan dan Pematuhan Kitar Hayat"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-17045, "Undang-undang Memegang Rekod, Maklumat, dan Bahan Fizikal"

Perlindungan Aset Syarikat

Penipuan, Pembaziran atau Salah Guna

Kita semua wajib untuk melindungi aset Syarikat dan memastikan penggunaan yang teliti dan betul. Aset kita antaranya termasuklah barang bekalan pejabat, peralatan, sistem komunikasi dan kenderaan, serta maklumat empunya, harta intelek, sumber kewangan dan maklumat.

Kecurian, penggunaan sumber yang membazir, dan aktiviti penipuan menjelaskan objektif Syarikat kita dan dilarang. Contoh aktiviti penipuan termasuklah tetapi tidak terhad kepada:

- Penggelapan
- Ketidakjujuran
- Sogokan
- Pemalsuan atau mengubah instrumen boleh dirundingkan, seperti cek dan draf
- Pelesapan aset
- Kecurian wang tunai, sekuriti, bekalan atau mana-mana aset Syarikat
- Pengendalian urus niaga Syarikat tanpa kebenaran
- Pemalsuan rekod atau penyata kewangan Syarikat atas sebab peribadi atau sebab lain

Sebagai peraturan am, anda perlu menggunakan aset fizikal Syarikat, seperti telefon, komputer atau kemudahan, hanya untuk tujuan urusan perniagaan sahaja. Dalam keadaan tertentu di mana anda perlu menggunakan aset Halliburton untuk kegunaan peribadi, gunakan akal budi anda dan ingatlah untuk sentiasa mengutamakan kepentingan Syarikat.

Jika anda mengesyaki bahawa penipuan, pembaziran atau penyalahgunaan telah berlaku, anda harus melaporkannya kepada Etika Global & Pematuhan, Perkhidmatan Jaminan Dalaman, Keselamatan Korporat, Ketua Pegawai Kewangan, pengurus anda, Sumber Manusia atau Talian Bantuan Etika.

Pradipa sedang menyediakan cadangan untuk pengambilalihan Syarikat. Dokumen Microsoft Word mengandungi maklumat sulit dan sangat sensitif tentang sasaran yang bakal dibeli. Pradipa perlu bekerjasama tentang dokumen ini melalui e-mel dengan Vicky di jabatan Halliburton yang lain. Pradipa telah bekerjasama dengan Vicky beberapa kali untuk projek lain dan mengenalinya. Adakah wajar untuk Pradipa memberi kepercayaan kepada Vicky untuk mengekalkan kerahsiaan maklumat dalam cadangan pengambilalihan?

Sebagai "pemilik" dokumen, Pradipa bertanggungjawab untuk mengklasifikasikan dengan tepat dokumen sebagai "Sulit" dan mengambil langkah untuk mengurangkan risiko pendedahan yang sengaja atau tidak sengaja dokumen rahsia ini kepada pihak yang tidak dibenarkan. Secara spesifik, Pradipa perlu meletakkan sekatan "Jangan Lanjutkan" pada e-mel yang digunakan untuk menghantar dokumen kepada Vicky, seterusnya mengurangkan risiko maklumat ini dikongsi secara elektronik dengan orang yang tidak dibenarkan.

Rujukan

Amalan Perniagaan Syarikat 4-17044, "Pengurusan Rekod dan Maklumat (RIM) – Pengurusan dan Pematuhan Kitar Hayat"

Maklumat Empunya dan Harta Intelek

Sepanjang tugas anda dengan Halliburton, anda mungkin menemui maklumat tertentu, seperti pelan produk dan dokumen strategik, yang rahsia dan bernilai kepada Syarikat. Menjaga semua maklumat dengan berhati-hati itu sangat penting. Jangan dedahkan maklumat sulit tentang Syarikat atau tentang pelanggan atau rakan niaga kita tanpa kelulusan dan hanya pada setakat yang perlu diketahui sahaja.

Anda juga perlu melindungi harta intelek Syarikat, yang termasuk paten, cap dagang, rahsia perdagangan dan hak cipta. Melindungi harta intelek Syarikat ialah satu tanggungjawab penting. Sebarang pendedahan yang salah guna yang tidak dibenarkan, sama ada semasa atau selepas anda bekerja dengan Syarikat, boleh mendatangkan kesan buruk kepada Halliburton atau kepada pelanggan kami, atau membantu para pesaing.

Pendedahan tanpa kebenaran atau penggunaan maklumat empunya dan/atau harta intelek Syarikat boleh membawa kepada tindakan disiplin, sehingga dan termasuk pemberhentian kerja.

Selain itu, Syarikat mungkin melaksanakan semua pemulihian undang-undang yang ada untuk melindungi daripada penggunaan maklumat empunya dan harta intelek tanpa kebenaran.

Begitulah juga sama pentingnya untuk harta intelek yang diperoleh secara sah daripada orang lain dan menurut undang-undang, perjanjian yang berkenaan serta peraturan. Selain itu, para pelanggan, pembekal dan rakan usaha asma kita perlu mempercayai kita untuk maklumat sulit dan empunya mereka, dan kita pula perlu menguruskannya dengan penuh hati-hati untuk mendapat keyakinan yang berterusan daripada mereka. Anda tidak boleh memuat turun kod, dokumen atau bahan lain atau “perisian percuma” daripada Internet dan menggabungkannya dengan mana-mana bahan Halliburton tanpa memeriksa terlebih dahulu dengan Kumpulan Amalan Harta Intelek dari Jabatan Undang-undang.

Bagi meminimumkan kemungkinan pendedahan maklumat sensitif secara tidak sengaja, pastikan anda mengambil langkah berjaga-jaga semasa menjalankan aktiviti harian anda. Sebagai contoh, dapatkan kata laluan yang kukuh jika boleh dan jangan tulis kata laluan ini. Jagalah komputer dan stesen kerja anda, dan jangan biarkan laptop atau telefon mobile anda di merata-rata tempat, terutama sekali semasa dalam perjalanan.

Jika anda mempunyai soalan atau kebimbangan tentang penggunaan maklumat empunya atau harta intelek yang sewajarnya, sila bincang dengan penyelia anda atau hubungi Kumpulan Amalan Harta Intelek.

Rujukan

Dasar Korporat 3-04050, "Pembayaran Faedah Peribadi – Penggunaan Peribadi Sampingan Aset Syarikat"

Dasar Korporat 3-04310, "Keselamatan Teknologi Maklumat"

Amalan Perniagaan Syarikat 3-90060, "Anti Penipuan"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-11154, "Penggunaan Internet dan Perkhidmatan Intranet Korporat"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-31108, "Penerimaan dan Penggunaan Produk dan Maklumat Pihak Ketiga"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-44002, "Permintaan Maklumat Data Telaga"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-44160, "Penggunaan Peribadi Kenderaan Syarikat"



Hashim merancang untuk pergi bercuti selama beberapa hari dan perlu memastikan bahawa sebarang perkara yang memerlukan kelulusan beliau dikendalikan dengan betul semasa ketiadaannya Perlukah Hashim berkongsi kata laluan log masuk Halliburton dengan salah seorang orang bawahannya dan seorang rakan sekertari, supaya mereka boleh masuk menggunakan kelayakan Hashim ke dalam SAP atau sistem lain semasa ketiadaannya untuk meluluskan sebarang perkara yang perlu?

Hashim bertanggungjawab mengekalkan kerahsiaan kata laluannya bagi mematuhi Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat Syarikat. Jika dia berkongsi kata laluannya dengan orang lain, risiko kata laluan tersebut dibocorkan kepada orang lain yang tidak dibenarkan adalah meningkat. Dan juga, Syarikat mensyaratkan bahawa kebanyakan transaksi sistem (dalam SAP contohnya) dikaitkan dengan tepat dengan individu tertentu yang melakukannya. Oleh itu, Hashim tidak boleh berkongsi kata laluannya dengan sesiapa dan perlu mengatur untuk menugaskan kuasanya supaya orang lain boleh bertindak bagi pihaknya semasa beliau bercuti.

Sayed adalah jurutera dalam salah sebuah pusat teknologi kita. Dia terlibat dalam projek untuk membina peranti kawalan aliran masuk yang baharu dan sangat teruja dengan potensi peranti ini. Dia berkongsi reka bentuk peranti dengan rakan sepasukan. Mereka fikir ia boleh membawa perubahan kepada bidang ini dan menggalakkan beliau membuat paten. Sayed memerlukan prototaip dibina dengan cepat bagi tujuan ujian, dan mempunyai kawan, Bob, yang bekerja dengan bengkel mesin tempatan. Sayed segera menghantar reka bentuknya kepada Bob untuk menentukan harga prototaip. Adakah ini wajar?

Tidak. Langkah Sayed mendatangkan beberapa masalah. Pertama, sebarang paten untuk rekaan atau produk yang dihasilkan oleh pekerja semasa pekerjaan mereka di Halliburton menjadi harta Syarikat, sama juga dengan rekaan atau produk itu sendiri. Adalah tidak wajar untuk pekerja mendapatkan paten untuk harta intelek Halliburton. Selain itu, Sayed bertanggungjawab mengekalkan kerahsiaan harta intelek Halliburton, termasuk rekabentuk baharu yang dibangunkan. Menghantar reka bentuk kepada pihak ketiga luaran tanpa tapisan dan kelulusan yang sewajarnya melanggar tanggungjawab Sayed untuk mengekalkan kerahsiaan, dan boleh menyebabkan reka bentuk beliau jatuh ke tangan orang lain.

Privasi dan Keselamatan Data

Sepanjang tugas anda dengan Halliburton, anda mungkin menemui maklumat sulit, peribadi atau empunya yang memerlukan penjagaan. Anda perlu ikut undang-undang privasi dan keselamatan data yang ada dan dasar privasi dan keselamatan kita sendiri semasa mengendali maklumat peribadi atau empunya yang sensitif.

Anda tidak boleh berkongsi maklumat ini tanpa kebenaran, atau menggunakan untuk apa-apa tujuan lain melainkan urusan berkaitan Halliburton.

Kegagalan untuk mengekalkan kerahsiaan dan menyimpan data peribadi dengan selamat boleh membawa kepada tindakan disiplin, sehingga dan termasuk pemberhentian kerja.

Melindungi Maklumat Peribadi Pekerja

Halliburton komited mengekalkan privasi dan keselamatan maklumat peribadi pekerja kita. Syarikat akan mengumpul, menghantar, mendedahkan atau menggunakan maklumat atau data peribadi anda hanya bagi mematuhi undang-undang tempatan atau untuk tujuan urusan yang sah sahaja. Syarikat hanya akan mengumpul maklumat peribadi yang diperlukan dan tidak akan menyimpan maklumat peribadi itu lebih lama daripada yang diperlukan. Menjaga maklumat peribadi tentang individu termasuklah mengekalkan kerahsiaan nama, umur, warganegara, maklumat akaun bank, sejarah jenayah dan sebagainya.

Pekerja yang mempunyai akses, atau yang bekerja dengan maklumat peribadi kakitangan Halliburton bertanggungjawab untuk mengendalikan maklumat dengan sewajarnya dan mengambil segala langkah yang perlu untuk mengekalkan kerahsiaannya. Kita telah menggunakan prosedur keselamatan untuk melindungi data peribadi daripada akses dan penggunaan yang tidak dibenarkan.

Melindungi Maklumat Sulit Pihak Ketiga

Maklumat yang kita kumpulkan dan simpan tentang pelanggan, vendor dan pihak ketiga yang lain juga bersifat rahsia dan sensitif. Data ini hanya boleh digunakan bagi tujuan perniagaan. Kita telah menggunakan prosedur keselamatan untuk melindungi data proprietari yang disimpan daripada akses dan penggunaan yang tidak dibenarkan.

Rujukan

Dasar Korporat 3-15260, "Perlindungan Data Pekerja"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-31108, "Penerimaan dan Penggunaan Produk dan Maklumat Pihak Ketiga"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-44002, "Permintaan Maklumat Data Telaga"

Apakah Maklumat Peribadi?

Antara contoh biasa maklumat peribadi yang sulit termasuklah:

- Nombor akaun bank
- Nombor Insurans Kebangsaan
- Nombor Sekuriti Sosial
- Fail pekerjaan
- Laporan perubatan
- Rekod kewangan atau perbelanjaan
- Keahlian Persatuan Perniagaan

Jika jawatan anda dalam Halliburton memberi anda akses kepada maklumat peribadi pekerja, ingatlah bahawa maklumat ini sulit dan perlu dilindungi pada sepanjang masa.

Stephanie, pekerja Halliburton, sedang melakukan semakan prestasi suku tahunan dengan operator membincangkan tentang kerja membangunkan gas syal baru-baru ini. Semasa semakan suku tahun, keputusan prestasi keselamatan dan operasi dipersembahkan. Aplikasi teknologi yang baharu, kemajuan, cadangan dan pamacu nilai turut dipersembahkan. Gene, Naib Presiden Penggerudian untuk Syarikat Minyak Antarabangsa, secara terbuka menyatakan, "Kami menggunakan semakan suku tahun ini untuk mengetahui apakah yang berlaku di kawasan telaga dan persekitaran, oleh itu berikan keputusan prestasi pembinaan telaga anda menggunakan teknologi baharu; semua orang tahu anda menggunakananya dengan operator XYZ." Stephanie mempunyai keputusan dan contoh yang menunjukkan prestasi Halliburton di dalam pamacu kecilnya. Adakah wajar untuk beliau berkongsi maklumat ini dengan pelanggan? the customer?

Semasa mesyuarat jualan dan pelanggan, selalunya penting untuk kita menyampaikan contoh dan statistik yang menggambarkan kejayaan prestasi Halliburton bagi menunjukkan kenapa kita adalah syarikat yang terbaik untuk projek. Namun kita mempunyai kewajipan untuk melindungi maklumat rahsia dan empunya yang kita kumpulkan tentang pelanggan dan rakan niaga lain. Adalah tidak wajar untuk berkongsi maklumat ini dengan orang lain, kerana pelanggan dan rakan niaga kita menjangkakan kita akan menangani maklumat sulit mereka dengan penuh kerahsiaan dan privasi. Sebelum berkongsi maklumat yang ada pada pamacu kecil, Stephanie perlu memastikan semua data sulit dikeluarkan supaya tiada maklumat yang kita perlu lindung dikongsi dengan pelanggan lain.



Ambil Perhatian!

Kami bertanggungjawab melindungi maklumat rahsia dan proprietari pelanggan, pekerja, rakan kongsi dan vendor kami, serta maklumat peribadi tentang individu.

- Anda hanya boleh mengakses maklumat sulit jika anda mempunyai sebab perniagaan yang sah untuk melakukannya.
- Anda boleh memberikan maklumat sulit kepada pekerja Halliburton yang lain hanya jika pekerja tersebut perlu mengetahuinya bagi memenuhi tanggungjawab kerja.
- Jika anda masih tidak pasti sama ada untuk mendedahkan maklumat sulit, anda perlu tanya penyelia anda, Sumber Manusia atau Kumpulan Amalan Etika & Pematuhan di Jabatan Undang-undang untuk panduan.

Perhubungan dengan Orang Lain

Di Halliburton, kita berbangga dengan reputasi kita - bukan sahaja reputasi dalam menyediakan penyelesaian terbaik untuk klien kita, tetapi juga komitmen kita untuk berurusan secara adil dan sah dengan klien tersebut dan dengan semua orang yang kita bekerja.

Kami komited dalam menjaga reputasi kami, maka kami meletakkan nilai yang tinggi terhadap kelakuan etika.

Komitmen ini digariskan di bahagian "Perhubungan dengan Pihak Lain" COBC, yang membincangkan dasar dan garis panduan Syarikat berkaitan:

- Anti Rasuah dan Anti Sogokan
- Hadiyah, Hiburan dan Hospitaliti
- Persaingan Saksama
- Perdagangan Antarabangsa
- Perhubungan dengan Orang Awam, Pelabur dan Media
- Aktiviti Sivik dan Amal
- Aktiviti Politik dan Melobi
- Urusan Perniagaan dengan Kerajaan A.S.
- Garis Panduan Hukuman Persekutuan A.S

Dasar ini bertindak sebagai panduan. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pekerja untuk membuat komitmen untuk mewakili Halliburton secara jujur dan saksama.

Dengan saiz dan capaian global Halliburton, para pekerja berpeluang untuk bekerja dengan pelbagai klien, vendor dan juga pegawai kerajaan di seluruh dunia. Kita melarang sebarang interaksi yang mendatangkan risiko kepada reputasi Syarikat, dan kita meminta para pekerja, sebagai wakil Syarikat, untuk memberi komitmen bagi mengekalkan tahap standard integrasi dan etika yang tertinggi.

Anti Rasuah dan Anti Sogokan

Larangan Rasuah

Rasuah adalah haram hampir di setiap negara dan dilarang oleh COBC. Oleh kerana Halliburton menjalankan urusan perniagaan di seluruh dunia, kita tertakluk kepada pelbagai undang-undang yang melarang penerimaan, penawaran, penyediaan atau membenarkan pembayaran rasuah dalam apa juga bentuk kepada sesiapa sahaja. Undang-undang ini termasuklah Akta Amalan Rasuah Asing A.S. (FCPA) dan Akta Rasuah U.K. 2010 (Akta Rasuah U.K.), yang terpakai untuk operasi kita di seluruh dunia.

Kegagalan untuk mematuhi mana-mana undang-undang anti rasuah akan menyebabkan tindakan disiplin dikenakan, sehingga dan termasuk pemberhentian kerja.

Di Halliburton, kita tidak mengamalkan rasuah atau menggunakan cara lain untuk mempengaruhi keputusan orang lain secara tidak wajar, termasuklah pelanggan, bakal pelanggan atau pegawai kerajaan. Pekerja Halliburton tidak boleh membenarkan, menyediakan atau menawarkan sebarang benda bernilai (atau melakukannya melalui pihak ketiga) kepada pegawai kerajaan, syarikat atau individu bagi tujuan

mendapatkan atau mengekalkan perniagaan, memperoleh pengaruh, atau mencari sebarang kelebihan lain untuk Syarikat.

Pekerja juga dilarang daripada menerima rasuah atau meminta apa-apa yang bernilai daripada pembekal atau pihak ketiga lain.

Tiada pekerja yang akan dikenakan tindakan disiplin kerana menolak untuk membayar rasuah, tidak kira apa kesannya kepada jualan, keuntungan, penyiapan projek atau aspek lain dalam perniagaan kita. Kos muktamad dan kesan kerosakan jangka panjang rasuah dan sogokan adalah lebuh buruk daripada faedah jangka pendek.

Tambahan lagi, pelanggaran undang-undang anti rasuah, termasuk FCPA dan Akta Rasuah U.K., boleh menyebabkan hukuman jenayah dan sivil dikenakan kepada Syarikat dan juga pekerja individu. Hukuman ini termasuklah denda yang tinggi dan hukuman penjara bagi mereka yang terlibat.

Halliburton komited untuk menjalankan perniagaan cara REDWay - secara bertanggungjawab, beretika dan tekun. Tindakan rasuah tidak akan diterima.



Ambil Perhatian!

“Pekerja kerajaan asing” bermaksud individu yang bekerja dengan kerajaan bukan A.S., termasuk mana-mana pegawai atau pekerja unit kerajaan asing atau syarikat minyak negara.

Pegawai kerajaan juga termasuk calon pejabat politik, pegawai parti politik, ahli keluarga diraja dan juga pekerja perniagaan milik kerajaan (seperti syarikat minyak nasional).

Turut termasuk ialah para pegawai dan pekerja pertubuhan antarabangsa awam seperti Bank Dunia.

Sebagai tambahan, hadiah atau rasuah kepada ahli keluarga pegawai kerajaan boleh dianggap sebagai rasuah kepada pegawai kerajaan bukan A.S.



Ambil Perhatian!

Rasuah boleh diberi dalam pelbagai bentuk selain daripada pembayaran tunai. Mana-mana yang berikut boleh dianggap sebagai rasuah dalam keadaan tertentu:

- Perjalanan atau hiburan, jika mewah, kerap atau biasa
- Sogokan (pembayaran sebahagian wang yang diterima daripada kontrak kepada pegawai yang meluluskan kerja kontrak)
- Hadiah, jika mewah, kerap atau biasa
- Sumbangan amal
- Tawaran pekerjaan
- Pinjaman

Tiada nilai kewangan minimum untuk apa yang dianggap sebagai rasuah. Secara umumnya, hadiah, hiburan dan hospitaliti mungkin tidak ditawarkan atau diberikan kepada pegawai kerajaan tanpa kelulusan Etika & Pematuhan Global. Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, rujuk kepada penyelia anda atau Etika & Pematuhan Global sebelum menawarkan sesuatu yang bernilai kepada pegawai kerajaan.


Bayaran Pemudahan

Bayaran pemudahan adalah bayaran kecil yang diberikan kepada pegawai kerajaan bertujuan mempercepatkan atau mendapatkan pelaksanaan tindakan kerajaan yang rutin. Memberi, menawarkan atau menjanjikan bayaran pemudahan secara langsung atau melalui pihak ketiga adalah dilarang.

Rujukan

Dasar Korporat 3-02570, "Anti-Rasuah"

Dasar Korporat 3-15400, "Larangan Pembayaran Pemudahan"



Perhubungan Perniagaan Antarabangsa

Halliburton kerap membuat perhubungan perniagaan dengan individu dan syarikat di luar A.S. Risiko yang dihadapi Syarikat daripada setiap jenis Perhubungan Perniagaan Antarabangsa adalah berbeza, oleh itu jumlah usaha wajar yang sesuai dan yang diperlukan sebelum pengurusan meluluskan Syarikat untuk meneruskan perjanjian adalah berbeza untuk setiap jenis perhubungan. Etika & Pematuhan Global membuat penentuan muktamad tentang sifat sebenar hubungan yang dicadangkan dan dasar yang dikenakan.

Undang-undang anti rasuah melarang syarikat daripada membayar rasuah. Apabila bayaran dibuat oleh pihak ketiga bagi pihak syarikat, ini dianggap seperti syarikat sendiri yang membuat bayaran tersebut. Syarikat boleh dipertanggungjawabkan bukan sahaja apabila mereka mengetahui tentang aktiviti yang berlaku, tetapi juga dalam keadaan di mana mereka sepautnya tahu bahawa bayaran tersebut telah dibuat.

Tiada bayaran apa-apa yang bernilai yang boleh dibuat oleh pihak ketiga yang bertindak bagi atau atas nama Syarikat untuk tujuan mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau untuk mendapatkan sebarang kelebihan perniagaan.

Jika pegawai kerajaan mengesyorkan atau mencadangkan ejen, vendor, subkontraktor atau rakan usaha sama, usaha wajar harus dilakukan sebelum individu atau entiti itu diterima. Kita tidak mencari cadangan sedemikian daripada mana-mana pegawai kerajaan tempatan.

Para pekerja yang bekerja dengan Perhubungan Perniagaan Antarabangsa bertanggungjawab memastikan bahawa rakan niaga kita bertindak secara sah dan beretika sepanjang masa bagi pihak Syarikat. Sekiranya anda mengesyaki bahawa pihak ketiga melanggar undang-undang anti rasuah atau terlibat dalam sebarang tindakan haram lain, hubungi LEO anda, Etika & Pematuhan Global atau Talian Bantuan Etika dengan segera.

Pengubahan Wang Haram

Pengubahan wang haram ialah proses di mana dana yang diperoleh secara tidak sah dipindahkan melalui sistem kewangan bertujuan untuk cuba menyembunyikan sumber asal usul jenayah. Kita komited untuk mematuhi semua undang-undang, peraturan dan pengawalan anti pengubahan wang haram yang terpakai.

Kita hanya perlu menjalankan urusan perniagaan dengan pihak ketiga bereputasi baik yang terlibat dalam aktiviti perniagaan yang sah. Anda mesti mengelakkan sebarang transaksi yang disusun dengan cara yang dapat dilihat sebagai menyembunyikan perilaku haram atau dana yang diperoleh secara haram. Jika anda mengesyaki bahawa pihak ketiga mungkin menyembunyikan kelakuan haram, hubungi LEO anda, Etika & Pematuhan Global atau Talian Bantuan Etika dengan segera.

Apakah Perhubungan Perniagaan Antarabangsa?

Perhubungan Perniagaan Antarabangsa ialah perhubungan perdagangan di mana pihak ketiga terlibat dalam mana-mana aktiviti berikut di luar A.S. atau dengan Pegawai Kerajaan Bukan A.S. atau Syarikat Minyak Negara di mana-mana sahaja di dunia: 1) membantu bagi merebut peluang komersial melalui aktiviti pembangunan perniagaan berdepan pelanggan berkaitan jualan; 2) bekerjasama dengan Syarikat untuk sama-sama merebut atau memasarkan bagi mendapatkan peluang-peluang komersial; 3) membeli produk, peralatan, bahan atau perisian dari Syarikat untuk dijual semula, atau dalam kes perisian, untuk melesenkan semula kepada pengguna akhir; atau 4) mewakili Syarikat dalam berurusan dengan Pegawai Kerajaan Bukan A.S. atau Syarikat Minyak Negara bagi manfaatnya atau untuk menyokong operasi harian Syarikat.

Rujukan

Dasar Korporat 3-02570, "Anti-Rasuah"

Dasar Korporat 3-02580, "Kandungan Tempatan - Afrika"

Dasar Korporat 3-15400, "Larangan Pembayaran Pemudahan"

Dasar Korporat 3-15700, "Agen Bukan-Komersial Antarabangsa (INCA)"

Dasar Korporat 3-15800, "Perhubungan Kerjasama Merebut Peluang"

Dasar Korporat 3-31111, "Perhubungan Perniagaan Antarabangsa"

Dasar Korporat 3-31112, "Agen Komersial Antarabangsa"

Dasar Korporat 3-31113, "Pengedar Antarabangsa, Agen Stok Konsainan dan Penjual Semula Perisian"

Hadiah, Hiburan dan Hospitaliti Lain

Walaupun hadiah, hiburan dan hospitaliti lain yang berpatutan adalah wajar semasa urusan perniagaan biasa, namun ia tidak boleh menjelaskan integriti perhubungan perniagaan kita. Pemberian atau penerimaan sebarang hadiah, hiburan, hospitaliti atau faedah lain yang menimbulkan rasa terhutang budi pada pihak penerima dilarang bawah Tataetika dan salah di sisi undang-undang di kebanyakan negara, termasuk A.S.

Secara amnya, hadiah, hiburan dan hospitaliti lain tidak boleh:

- Ditawarkan atau diberikan kepada pegawai kerajaan bukan A.S. tanpa kelulusan terlebih dahulu oleh Etika & Pematuhan Global.
- Diminta
- Ditawarkan atau diterima semasa sebarang proses tender (jualan atau pemerolehan)
- Dalam bentuk saham, wang tunai, bersamaan tunai (termasuk sijil pemberian, saham dan bon simpanan), logam berharga atau barang yang boleh ditukarkan dengan mudah kepada wang tunai.
- Ditawarkan kepada atau diterima oleh penerima yang sama dengan kekerapan yang tidak wajar
- Tidak konsisten dengan amalan perniagaan yang diterima dan diamalkan
- Ditawarkan untuk mempengaruhi atau sebagai ganjaran kepada keputusan atau tindakan perniagaan tertentu
- Melanggar undang-undang atau dasar yang terpakai
- Dalam bentuk yang boleh memalukan Syarikat jika didedahkan kepada umum

Apakah Hospitaliti Perniagaan?

Terma Hospitaliti Perniagaan bermaksud sebarang perkara bernilai yang diberikan kepada pegawai kerajaan bukan A.S. termasuk pekerja syarikat minyak negara dan keluarga mereka bagi tujuan perniagaan yang sah, seperti hadiah, percutian, perjalanan tempatan, penginapan, latihan luar, hiburan, hidangan makan perniagaan dan penajaan.

Bolehkah saya menerima sijil pemberian daripada salah sebuah pembekal kita?

Dasar hadiah Halliburton melarang pekerja daripada menerima sebarang hadiah wang tunai atau setara tunai tanpa mengira nilainya. Sebagai tambahan, Halliburton melarang para pekerja daripada menerima sebarang hadiah, hiburan, belanja makan atau hadiah lain yang boleh menimbulkan rasa terhutang budi pada pihak pekerja ataupun menjelaskan pertimbangan profesional pekerja. Hadiah atau hiburan nominal yang diterima semasa urusan perniagaan yang biasa secara amnya boleh diterima.

Memberi Hadiah, Hiburan atau Hospitaliti Lain kepada Pegawai Kerajaan Bukan A.S.

Hospitaliti Perniagaan, seperti hadiah, percutian, perjalanan tempatan, penginapan, latihan luar, hiburan, hidangan makan perniagaan dan penajaan yang ditawarkan, dijanjikan atau diberikan hendaklah berkait secara langsung dengan tujuan perniagaan yang sah dan nilai atau amau yang disediakan tidak boleh terlalu tinggi. Hospitaliti Perniagaan mungkin wajar, mengikut amalan tempatan dan undang-undang yang terpakai, bagi tujuan memenuhi keperluan kontrak yang khusus; membina hubungan perniagaan atau menggalakkan, menunjukkan atau menerangkan produk atau perkhidmatan Syarikat. Memberi, menawarkan atau menjanjikan Hospitaliti Perniagaan dengan tujuan untuk mempengaruhi keputusan secara tidak sah adalah dilarang.

Kebanyakan Hospitaliti Perniagaan, tanpa mengira nilai wang, memerlukan kelulusan daripada Etika & Pematuhan Global.

Hadiah wang tunai, kad hadiah atau sebarang bentuk wang hadiah lain adalah dilarang sama sekali.

Menerima Hadiah, Hiburan atau Hospitaliti Lain daripada Klien dan Vendor

Halliburton tidak menggalakkan para pekerja daripada menerima hadiah, hiburan atau hospitaliti lain daripada klien dan vendor, kerana penerimaannya boleh mempengaruhi secara tidak sengaja keputusan perniagaan anda. Walau bagaimanapun, kita menyedari bahawa dalam keadaan tertentu, bertukar-tukar hadiah, hiburan atau hospitaliti lain dengan klien bukan kerajaan dan vendor adalah amalan perniagaan yang diterima. Oleh itu, anda boleh memberi atau menerima hadiah perniagaan, hiburan atau hospitaliti lain yang sesuai, dengan syarat nilai semua hadiah atau hiburan tersebut adalah nominal. Ingat, bagi pegawai kerajaan, termasuk pegawai dan pekerja syarikat minyak nasional, kelulusan daripada Etika & Pematuhan Global terlebih dahulu diperlukan.

Para pekerja tidak boleh meminta hadiah, hiburan atau hospitaliti lain daripada klien dan vendor, terutama sebagai balasan kepada perniagaan atau layanan istimewa lain. Sebarang hadiah yang menimbulkan perasaan terhutang budi pada pihak penerima adalah bukan bernilai nominal dan tidak boleh diterima.

Hadiah wang tunai, kad hadiah atau sebarang bentuk wang hadiah lain tanpa mengira nilai dolar adalah dilarang sama sekali.

Anda tidak boleh menerima sebarang hadiah atau hiburan daripada vendor jika anda ialah ahli kumpulan yang menilai tender terbuka di mana vendor ini sedang bersaing.

Maggie, pekerja Halliburton di sebuah negara Timur Tengah, sedang mengisi tender untuk sebuah projek penting berprofil tinggi untuk kerajaan negara tersebut. Salah satu syarat tender ialah Halliburton perlu memberi sumbangan yang besar kepada Kementerian Pendidikan negara tersebut, yang akan menggunakan dana untuk menambahbaikkan kemudahan pendidikan dan peluang untuk remaja perempuan. Apakah yang patut saya lakukan? Adakah sumbangan ini dibenarkan bagi membantu mendapat projek yang besar?

Halliburton percaya dalam menyokong institusi pendidikan dan badan amal di luar A.S. dan telah melaksanakan dasar yang memformalkan proses membuat sumbangan berkaitan pendidikan. Fakta yang terdapat dalam senario ini menampilkan beberapa bendera merah: namun Maggie perlu meneruskannya dengan berhati-hati. Oleh kerana permintaan sumbangan melibatkan sebuah kementerian, ia perlu diteliti betul-betul untuk mengelakkan kemungkinan pelanggaran Akta Amalan Rasuah Asing A.S. atau undang-undang anti rasuah yang serupa.

Sebelum membuat atau membenarkan sebarang sumbangan amal, terutamanya yang diperlukan dalam tender projek, Maggie harus berunding dengan Etika & Pematuhan Global.

Beberapa orang pekerja Syarikat Minyak Petroland (sebuah syarikat minyak milik negara) bertemu dengan pasukan Pembangunan Perniagaan halliburton untuk membentuk pasukan golf bersama bagi menyertai kejohanan golf tempatan. Mereka mencadangkan Halliburton menaja dua buah pasukan, setiap pasukan terdiri daripada dua orang pemain daripada Syarikat Minyak Petroland dan dua orang pemain daripada Halliburton. Bolehkan pekerja Halliburton bermain dalam kejohanan ini?

Mungkin boleh. Walau bagaimanapun, sebelum bersetuju untuk bermain dalam kejohanan golf, pekerja perlu menghubungi Kumpulan Amalan Anti Rasuah & Pematuhan Antarabangsa (ACIC) untuk mendapatkan kebenaran. Ini merupakan situasi sensitif kerana sebagai pekerja syarikat minyak negara, pekerja Petroland mungkin dianggap sebagai pegawai kerajaan di bawah sesetengah undang-undang anti rasuah. Membayar mereka untuk menyertai kejohanan golf boleh dianggap sebagai rasuah dalam keadaan tertentu, oleh itu situasi ini perlu dinilai dengan teliti sebelum diteruskan.

Ingat bahawa Hospitaliti Perniagaan melibatkan pegawai kerajaan bukan A.S. memerlukan kelulusan daripada Etika & Pematuhan Global.

Rujukan

Dasar Korporat 3-02570, "Anti-Rasuah"

Dasar Korporat 3-15540, "Hadiah dan Hiburan yang Disediakan oleh Pembekal dan Penajaan Acara Syarikat oleh Pembekal"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-10986, "Sumbangan Syarikat untuk Memenuhi Komitmen Sosial"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-11056, "Hadiah, Percutian, Tempat Tinggal, dan Hiburan untuk Pekerja Kerajaan Asing (termasuk Pekerja Syarikat Minyak Negara) dan Keluarga mereka"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-11059, "Laporan Perbelanjaan Perjalanan dan Hiburan"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-11156, "Manual Proses Pemerolehan"



Persaingan Saksama

Undang-undang Persaingan dan Aktiviti Anti Persaingan

Kami komited untuk bersaing secara adil dan memenangi perniagaan secara beretika dan sah dengan menyediakan produk dan perkhidmatan yang unggul. Usaha pemasaran, pengiklanan dan jualan kita perlu jujur dan berterus terang, dan kita akan menahan diri daripada mengeluarkan komen yang tidak adil atau yang menjatuhkan tentang pesaing dan produk tawaran mereka.

Usaha perniagaan Halliburton dikawal selia oleh pelbagai undang-undang persaingan global (turut dipanggil "undang-undang anti-trust" di A.S.) yang menggalakkan persaingan adil dengan melarang amalan atau aktiviti yang mengehadkan perdagangan secara tidak adil. Undang-undang ini adalah kompleks dan pelanggaran boleh membawa kepada penalti awam yang tinggi serta denda dan hukuman penjara. Kita sama sekali tidak boleh terlibat dengan tingkah laku anti persaingan yang ditegah oleh undang-undang persaingan, termasuk perjanjian rasmi atau tidak rasmi untuk:

- Menetap atau mengkoordinasi harga
- Memudahkan pakatan sulit semasa membida atau memanipulasikan bida
- Memboikot sesetengah pelanggan atau pembekal
- Berkongsi maklumat dengan pesaing tentang harga, keuntungan atau margin keuntungan
- Membahagikan atau memperuntukkan pasaran, wilayah atau pelanggan
- Bertukar atau berkongsi sebarang maklumat yang belum diterbitkan tentang harga atau sebarang maklumat persaingan lain dengan pesaing.
- Melaksanakan urus niaga timbal balik dengan rakan niaga atau pembekal

Adalah penting untuk mengelak daripada mewujudkan persepsi bahawa kita berpakat dengan pesaing kita. Hadkan interaksi anda dengan pesaing seberapa kurang yang boleh dan elakkan perbincangan tentang mana-mana topik yang disenaraikan di atas. Sekiranya pesaing melibatkan anda dalam perbualan yang membimbangkan anda, tamatkan perbincangan dengan serta-merta dan hubungi Etika & Pematuhan Global dengan serta-merta.

Bolehkah saya minum bersama dengan pesaing di pameran perdagangan dan berbincang kemungkinan Halliburton berkongsi dengan syarikatnya untuk bersama membida tender kontrak? Bekerjasama akan meningkatkan kemungkinan kami memenangi peluang ini.

Anda perlu berhati-hati dalam mana-mana perbualan dengan pesaing. Anda mungkin melanggar undang-undang persaingan jika anda berkongsi maklumat tentang topik yang sensitif dalam persaingan, termasuk harga, kos, fi, margin keuntungan atau amalan kredit dan pembilan.

Walaupun pesaing boleh bekerjasama sebagai rakan niaga dalam keadaan tertentu, undang-undang persaingan melarang perjanjian antara pesaing untuk menetapkan harga atau memperuntukkan pelanggan, wilayah, produk atau perkhidmatan. Perjanjian sedemikian adalah salah. Anda perlu mengelak sebarang perbualan dengan pesaing mengenai topik berkaitan perniagaan. Rujuk Etika & Pematuhan Global sebelum anda membuat sebarang rancangan untuk berbincang dengan pesaing.

Mengumpulkan Maklumat Persaingan

Memahami landskap persaingan adalah penting untuk meneruskan kejayaan. Melalui sesetengah garis panduan, adalah wajar untuk kita mengumpulkan maklumat tentang produk, perkhidmatan dan aktiviti pasaran pesaing kita. Kita boleh menyemak maklumat yang disediakan untuk awam bagi mempelajari tentang pesaing, tetapi kita perlu menahan diri daripada mengumpulkan bahan risikan menggunakan kaedah yang salah, menipu atau tidak wajar.

Semasa mengumpulkan maklumat, kita perlu sentiasa menghormati harta intelek pesaing dan tidak menggunakan cara yang salah untuk mendapatkan maklumat sulit mereka. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- E-mel yang bermaksud untuk orang lain
- Cadangan
- Helaian harga
- Lukisan dan spesifikasi kejuruteraan
- Pelan perniagaan
- Dokumen proses
- Perhubungan

Jangan meminta maklumat sulit daripada pekerja atau pelanggan pesaing, atau menggunakan maklumat sulit dan empunya yang anda peroleh daripada kerja anda yang terdahulu. Jika anda terjumpa bahan yang anda secara munasabah menganggap sebagai sulit, berhenti segera daripada membacanya dan runding dengan Kumpulan Amalan Etika & Pematuhan di Jabatan Undang-undang.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang sama ada aktiviti persaingan tertentu mematuhi COBC, anda harus segera berunding dengan Etika & Pematuhan Global.



Perdagangan Antarabangsa

Sebagai syarikat yang beroperasi di peringkat global, kita sering membawa produk, bekalan, peralatan dan perisian antara negara. Kita perlu mematuhi undang-undang negara ini berkaitan import dan eksport barang tersebut. Ini termasuk apabila produk atau teknologi kita dihantar melalui sebuah negara.

Eksport dan Pematuhan

Kami akan mematuhi undang-undang setiap negara di mana kami mengeksport barang, perisian dan data teknikal kami. Perniagaan tidak akan diurusniaga dan barang tidak akan dieksport sekiranya tidak mematuhi syarat berikut ini:

- Akta Pentadbiran Eksport Amerika Syarikat (EAA)
- Akta Kawalan Eksport Senjata (AECA)
- Peraturan untuk melaksanakan program sekatan ekonomi antarabangsa melibatkan negara tertentu, termasuk peraturan yang diisyiharkan oleh Pejabat Kawalan Aset Asing Jabatan Perbendaharaan Amerika Syarikat.
- Peraturan Pentadbiran Eksport (EAR)
- Peraturan Perdagangan Senjata Antarabangsa (ITAR)
- Undang-undang dan peraturan eksport negara lain yang terpakai untuk penghantaran tertentu
- Terma dan syarat sebarang lesen eksport yang dikeluarkan kepada Syarikat atau mana-mana subsidiarinya

Tiada pengecualian untuk dasar ini. Kami mempunyai sistem kawalan dalaman, kebanyakannya adalah automatik dalam SAP yang melindungi Halliburton daripada pelanggaran undang-undang import dan eksport. Semua pekerja perlu mematuhi sistem kawalan dalaman ini.



Aambil Perhatian!

Kita biasanya menganggap eksport sebagai barang fizikal yang dihantar dari sebuah negara ke negara yang lain, tetapi sebenarnya terma ini merangkumi spektrum yang lebih luas, termasuk barang, perkhidmatan, teknologi, perisian atau data; dan benda, atau maklumat, yang dihantar, diterbangkan, dimuat naik atau dimuat turun, e-mel atau faks.

Peraturan eksport menjadi lebih rumit apabila melibatkan eksport tidak ketara. Barang perlu dihantar secara fizikal kepada negara lain untuk dianggap sebagai eksport, namun teknologi dan perisian boleh "dieksport" dengan memberikan orang asing akses kepada bahan di negara ini atau dengan menyiar maklumat pada laman web yang boleh dilihat di negara lain.

Kastam dan Pematuhan Import

Kita akan mematuhi undang-undang import dan eksport tempatan mana-mana negara yang kami mengimport barang, perisian atau data teknikal dan akan berusaha menyediakan maklumat yang betul tentang (a) asal usul barang, perisian atau data teknikal; (b) klasifikasi di bawah tarif terharmoni atau sistem yang serupa; dan (c) nilai barang untuk tujuan kastam.

Boikot

Sebagai sebuah syarikat A.S., kita tertakluk kepada undang-undang yang melarang kerjasama dengan boikot yang dikenakan oleh undang-undang negara lain, tetapi di mana A.S. tidak menyertai. Undang-undang A.S. turut melarang kita memberikan maklumat bagi tujuan berkaitan boikot melibatkan identiti dan kewarganegaraan pekerja, pengarah, pemegang saham, subkontraktor dan pembekal kita; atau maklumat tentang sama ada Syarikat mempunyai urusan perniagaan dengan sesetengah negara yang tertakluk kepada boikot atau tidak.

Kita diwajibkan oleh undang-undang untuk melaporkan permintaan yang diterima untuk menyokong boikot yang dilarang walaupun kita tidak mematuhi permintaan tersebut. Kadang kala permintaan untuk menyokong boikot yang dilarang adalah sukar untuk dikesan. Semua pekerja dan agen yang berkemungkinan akan menghadapi permintaan sebegini perlu diberi kesedaran tentang sekatan ini dan membuat semua laporan yang perlu mengikut keperluan masa. Mana-mana pekerja yang menerima permintaan sebegini atau mempunyai soalan tentang sama ada barang tertentu dilarang atau permintaan boikot yang boleh dilaporkan perlu menghubungi Kumpulan Amalan Anti Rasuah & Pematuhan Antarabangsa (ACIC) di Jabatan Undang-undang.

Rujukan

Dasar Korporat 3-10992, "Pematuhan Perdagangan Antarabangsa dan Urusan Penghantaran"



Perhubungan dengan Orang Awam, Pelabur dan Media

Perhubungan dengan Pelabur

Kita komited untuk mematuhi peraturan yang terpakai berkaitan pendedahan maklumat bukan awam penting yang terpilih. Syarikat telah memberi kebenaran kepada sekumpulan kecil individu untuk menghubungkan maklumat tentang Syarikat kepada komuniti pelaburan. Sebarang permintaan untuk maklumat daripada pelabur, jruuanalisis atau individu yang serupa perlu dilanjutkan serta merta kepada Perhubungan Pelabur.

Perhubungan kita dengan orang awam hendaklah jujur dan jelas.

Komunikasi kami dengan orang awam mestilah jujur dan mudah. Bagi memastikan perhubungan kita sentiasa tepat dan konsisten, bilangan individu yang terhad di dalam Syarikat bertanggungjawab untuk berkomunikasi bagi pihak kita. Hanya individu dengan kebenaran untuk bercakap secara umum bagi pihak Syarikat yang boleh berbuat demikian. Jika anda tidak mempunyai kebenaran ini dan didatangi oleh orang awam atau media, sila rujuk mereka kepada penyelia anda atau ke Hal Ehwal Korporat dengan seberapa segera.

Penggunaan Peribadi Media Sosial

Sentiasa amalkan pertimbangan semasa menyiarkan komen pada media sosial, terutama tentang perniagaan komersial, pelanggan atau rakan niaga kita. Ingatlah bahawa komunikasi anda melalui media sosial boleh mendatangkan kesan awam yang besar untuk Syarikat. Jelaskan bahawa anda menyatakan pendapat anda sendiri dan bukannya berkomunikasi bagi pihak Syarikat. Komen anda tidak boleh mengandungi kandungan yang kasar, menghina atau memalukan.

Jika anda menggunakan sistem Syarikat untuk penggunaan peribadi yang terhad, elakkan daripada mengunjungi laman web yang tidak wajar. Sila ingat bahawa Syarikat berhak untuk mengawasi komunikasi yang dibuat melalui sistem maklumat kita selagi dibenarkan oleh undang-undang. Jika anda mempunyai sebarang soalan tentang sama ada penggunaan tertentu sistem Syarikat adalah wajar atau tidak, sila tanya penyelia anda.

Jika anda merancang untuk menggunakan media sosial bagi tujuan berkaitan urusan perniagaan, anda perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada penyelia anda.

Adakah saya dibenarkan untuk mengakses Internet untuk tujuan peribadi semasa di tempat kerja?

Komputer anda adalah alat yang disediakan oleh Halliburton untuk anda melakukan kerja bagi pihak Syarikat. Begitu juga, rangkaian elektronik yang anda gunakan untuk menghantar atau menerima e-mel dan mengakses Internet merupakan aset korporat yang bertujuan digunakan untuk menjalankan perniagaan Syarikat.

Walaupun penggunaan e-mel dan Internet untuk tujuan peribadi sekali sekala dan secara berpatutan adalah dibenarkan, anda perlu menggunakan pertimbangan sendiri untuk tidak menyalahgunakan keistimewaan ini. Anda perlu menggunakan Internet secara bertanggungjawab pada sepanjang masa tidak kira sama ada aktiviti anda adalah untuk tujuan peribadi atau urusan. Anda perlu mengelak daripada penggunaan Internet untuk tujuan peribadi secara berlebihan semasa bekerja. Sebagai tambahan, mengakses kandungan yang tidak wajar di Internet menggunakan komputer Syarikat adalah dilarang.

Rujukan

Dasar Korporat 3-10020, "Perhubungan Media dan Siaran Akhbar"

Dasar Korporat 3-90110, "Sistem Pesanan Elektronik Halliburton (HEMS)"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-11154, "Penggunaan Internet dan Perkhidmatan Intranet Korporat"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-11255, "Media Sosial dan Penerbitan Dalam Talian Peribadi"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-16466, "Telefon Pintar dan Peranti Wayarles Tangan yang Lain: Permintaan, Kelulusan, dan Penggunaan"

Aktiviti Sivik dan Amal

Kami bangga menyokong penyertaan korporat dalam aktiviti sivik dan amal dan menggalakkan penyertaan amal semua individu yang bekerja bagi pihak Syarikat. Walau bagaimanapun, anda tidak boleh menggunakan kedudukan anda dalam Halliburton untuk mencadangkan atau membayangkan penajaan atau sokongan Halliburton terhadap acara atau derma luar.

Adalah penting untuk memastikan aktiviti amal peribadi anda tidak mengganggu tanggungjawab kerja anda di Halliburton. Bercakaplah dengan penyelia anda, Komunikasi & Pemasaran Global atau Etika & Pematuhan Global jika anda mahu menggunakan masa atau sumber Halliburton untuk menyokong kerja amal atau bukan keuntungan.

Rujukan

Dasar Korporat 3-15570, "Kriteria Kelulusan Sumbangan Amal"

Dasar Korporat 3-76700, "Rancangan Bantuan Pendidikan dan Kebajikan Terpilih"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-10980, "Mendapatkan Kelulusan untuk Sumbangan Amal dan Perakaunan untuk Derma"

Amalan Perniagaan Syarikat 4-10981, "Aktiviti Pekerja Dalam Pengumpulan Dana di Lokasi Syarikat"

Aktiviti Politik dan Melobi

Aktiviti Politik Korporat

Halliburton mungkin menyertai isu dasar awam yang relevan dengan kepentingan kita. Aktiviti politik korporat Halliburton, termasuk sebarang sumbangan dana Syarikat atau penggunaan kemudahan dan sumber Syarikat, perlu mematuhi undang-undang yang terpakai. Terdapat juga masa di mana Syarikat mungkin memberikan sokongan pentadbiran kepada operasi jawatankuasa tindakan politik atau memberi sokongan dalam memaklumkan orang awam tentang isu yang penting untuk Syarikat dan pemegang saham. Dalam keadaan inim sumbangan kita sentiasa mematuhi undang-undang persekutuan, negeri dan tempatan.

Aktiviti Politik Peribadi

Penyertaan dalam proses politik menjadi sebahagian besar komitmen kita terhadap tanggungjawab sosial korporat. Walaupun anda digalakkan untuk menyertai proses politik secara peribadi, anda perlu melakukannya menggunakan masa serta dengan sumber anda sendiri.

Kita menggalakkan penyertaan pekerja dalam proses ini selagi ia konsisten dengan undang-undang dan peraturan yang mentadbir aktiviti politik.

Aktiviti yang menggalakkan penyertaan dalam jawatankuasa tindakan politik Halliburton harus diluluskan oleh Penasihat Undang-undang.

Mendapatkan sokongan untuk perjuangan atau calon politik di tempat kerja adalah dilarang. Anda tidak boleh menggunakan kedudukan anda di Halliburton untuk mencadangkan atau membayangkan penajaan atau sokongan Halliburton terhadap calon atau sokongan terhadap kedudukan politik, tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Naib Presiden Hal Ehwal Kerajaan.

Melobi

Kita mematuhi semua undang-undang melobi, dan mungkin melibatkan pekerja atau pelobi profesional untuk bekerja dengan pegawai

kerajaan bagi pihak kita. Halliburton melarang penyertaan dalam sebarang aktiviti melobi bagi pihak Syarikat.

Rujukan: Hal Ehwal Kerajaan Halliburton

Urusan Perniagaan dengan Kerajaan A.S.

Halliburton secara amnya tidak bekerja sebagai kontraktor membekalkan barang dan/atau perkhidmatan kepada kerajaan A.S., agensinya atau untuk pihak yang menggunakan dana persekutuan. Undang-undang persekutuan A.S. mempunyai undang-undang dan peraturan ketat yang terpakai kepada syarikat yang cuba untuk mendapat kelulusan, membida atau menjalankan kerja yang dibiayai oleh Kerajaan A.S. Peraturan dan keperluan ini berbeza daripada operasi perniagaan biasa kita dan mengenakan kewajipan tertentu terhadap Syarikat. Pelanggaran undang-undang dan peraturan ini boleh menyebabkan Syarikat dikenakan penalti dan sekatan yang berat. Oleh yang demikian,

bida tidak boleh dibuat oleh mana-mana entiti Halliburton untuk mana-mana kerja yang dibiayai oleh Kerajaan A.S melainkan dan sehingga permintaan untuk membida telah disemak oleh Jabatan Undang-undang dan diluluskan oleh Naib Presiden Kanan dan Ketua Peguam Komersial.

Halliburton mematuhi statut dan peraturan persekutuan A.S. yang terpakai yang mentadbir pengambilan bekas tentera A.S., Jabatan Pertahanan atau pekerja persekutuan yang lain. Penyelia yang menimbang untuk mengambil bekas pekerja kerajaan A.S. atau mengambil pekerja sebagai perunding perlu berunding dengan Jabatan Undang-undang untuk panduan sebelum mengambil individu bekerja.

Garis Panduan Hukuman Persekutuan A.S

Tataetika Perniagaan Halliburton mewakili program pematuhan yang berkesan seperti yang diperlukan bawah Garis Panduan Hukuman Persekutuan, yang merupakan produk Suruhanjaya Hukuman Amerika Syarikat, yang diwujudkan oleh Akta Reformasi Penghukuman 1984. Tataetika direka untuk mengesan kesalahan sebelum ditemui di luar Syarikat, atau sebelum kemungkinan penemuan dan untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa tiada individu dengan tanggungjawab operasi untuk program pematuhan Syarikat yang akan menyertai, membiarkan atau secara sukarela tidak mengendahkan peri laku jenayah di dalam Syarikat.

Syarikat telah mengambil langkah yang wajar untuk memulihkan kerosakan yang mungkin berlaku daripada sebarang peri laku jenayah, termasuk sebagai pembayaran balik yang wajar, melaporkan dengan sendiri peri laku kepada pihak berkuasa kerajaan dan bekerjasama dengan pihak berkuasa tersebut dalam mana-mana penyiasatan berikutnya.

Jika peri laku jenayah telah ditentukan berlaku, Halliburton akan menilai program pematuhanya dan membuat pengubahsuaian yang sewajarnya bagi mengelakkan peri laku tersebut daripada berulang, termasuk berunding dengan penasihat profesional luar mengenai pengubahsuaian yang perlu dibuat dan cara untuk mematuhi pengubahsuaian tersebut.

Ketua Pegawai Etika & pematuhan (CECO) kita mempunyai hubungan laporan secara terus dengan Lembaga Pengarah Halliburton serta Naib Presiden Eksekutif dan Konsul Besar. Atas arahan Lembaga, CECO mempunyai kuasa untuk berhubung secara peribadi dengan jawatankuasa Audit, Pampasan dan Pelantikan dan Tadbir Urus Korporat secara serta merta tentang hal yang melibatkan peri laku jenayah, atau potensi peri laku jenayah, dan tidak kurang daripada setiap tahun tentang pelaksanaan dan keberkesanannya program pematuhan Halliburton.

Kesimpulan

Kita semua bertanggungjawab membuat keputusan yang mematuhi apa yang tersurat dan tersirat dalam undang-undang yang mentadbir tindakan kita. Kita perlu bekerjasama untuk mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan saling menghormati dan terus membina syarikat yang kita sama-sama boleh berbangga. Ketika anda menjalankan urusan kerja harian, jangan lupa untuk:

- Mematuhi prinsip Tataetika
- Menggunakan akal budi dalam tugas dan keputusan anda
- Merujuk kepada sumber Syarikat yang ada bagi panduan apabila anda mempunyai soalan
- Melayani rakan sekerja dan rakan niaga dengan standard etika yang tinggi
- Tidak mengorbankan integriti peribadi anda untuk keuntungan atau perolehan peribadi
- Melaporkan tindakan salah yang disyaki dan pelanggaran Tataetika dengan segera

Kami akan mengemaskinikan Tataetika secara berkala bagi mencerminkan perubahan undang-undang dan/atau perubahan dasar kita yang relevan. Kami sentiasa menerima cadangan untuk menambahbaikkan budaya undang-undang dan etika di Halliburton, atau untuk menjadikan Tataetika lebih berguna untuk anda. Sila hubungi Etika & Pematuhan Global dengan ulasan atau idea pada bila-bila masa.

Tataetika tidak menyediakan sebarang hak, secara kontrak atau sebaliknya, kepada mana-mana pihak ketiga atau kepada mana-mana kakitangan Syarikat atau subsidiarinya.

Tataetika telah dipinda kali terakhir dan pindaan tersebut telah digunakan oleh Lembaga Halliburton pada 18 Mei, 2020.

Rujukan

Dasar Korporat 3-02120, "Pentadbiran Tataetika Perniagaan"

Pematuhan dan Sumber Etika di Halliburton

Melaporkan Pelanggaran

Anda boleh mengajukan soalan mengenai kemungkinan pelanggaran undang-undang atau COBC kepada penyelia anda, LEO anda, Sumber Manusia, Etika & Pematuhan Global atau Talian Bantuan Etika Halliburton. Talian Bantuan Etika beroperasi 24 jam sehari, 7 hari seminggu, dan dikendalikan oleh sebuah syarikat bebas. Penterjemah disediakan. Anda boleh kekal tanpa nama semasa membuat laporan.

Halliburton melarang pembalasan terhadap individu yang melaporkan salah laku dengan niat suci.

- Di A.S. dan Kanada, hubungi:
1-888-414-8112
- Di Argentina, hubungi: 0800-444-2801
- Di Brazil, hubungi: 0800-891-4378
- Di Colombia, hubungi: 01-800-912-0532
- Di Indonesia, hubungi:
001-803-1-009-1244
- Di Malaysia, hubungi: 1-800-81-3431
- Di Norway, hubungi: 800-14156
- Di Arab Saudi, hubungi: 800-850-0623
- Di U.K., hubungi: 0800-169-3116
- Semua negara lain, hubungi 1-770-613-6714 (Nota: Ini adalah nombor telefon AS.)

Anda juga boleh menghantar e-mel kepada FHOUCODE@halliburton.com atau surat kepada: Pengarah Tataetika Perniagaan di P.O. Box 2625, Houston, TX 77252-2625.

Sumber Tambahan (Terletak di HalWorld)

- Kumpulan Etika & Pematuhan Global
 - Tataetika Perniagaan
 - Penasihat Pematuhan Serantau
 - Usaha Wajar
 - Pematuhan Perdagangan Antarabangsa
 - Pengurusan Rekod dan Maklumat
- Kumpulan Amalan Harta Intelek
- Kumpulan Amalan Undang-undang Awam
- Talian Bantuan HSE Global – Hubungi 1-281-575-4413 (Nota: Ini ialah nombor telefon A.S.) atau e-mel GlobalHSE@halliburton.com
- Keselamatan Korporat - Hubungi 1-713-839-4700 (Nota: Ini ialah nombor telefon A.S.) atau e-mel FHOUHCS - Keselamatan Korporat
- Sumber Manusia
- LEO anda

Penepian

Sebarang penepian syarat Tataetika Perniagaan bagi Pengarah atau Pegawai Eksekutif Syarikat hanya boleh dibuat oleh Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah Halliburton. Syarikat akan segera mendedahkan penepian tersebut kepada para pemegang sahamnya seperti yang diperlukan oleh undang-undang.



